(d) Sejarah jenayah penumpang (jika ada).

2.9 Pengguna Data dikehendaki mendapatkan persetujuan yang **jelas** daripada Subjek Data sebelum memproses Data Peribadi Sensitif.

2.10 Jika Pengguna Data tidak memperolehi persetujuan yang jelas atau ia tidak boleh dilaksanakan atau praktikal untuk Pengguna Data untuk berbuat demikian, Data Peribadi Sensitif boleh diproses di mana pemprosesan diperlukan untuk:

Pekerjaan

(a) untuk menjalankan atau melaksanakan apa-apa hak atau tanggungjawab yang diberikan atau dikenakan oleh undang-undang mengenai Pengguna Data berkaitan dengan pekerjaan;

Kepentingan Kritikal

(b) untuk melindungi kepentingan penting Subjek Data atau orang lain, dalam kes di mana:

(i) kebenaran tidak boleh diberikan oleh atau bagi pihak Subjek Data; atau

(ii) Pengguna Data tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan kebenaran Subjek Data,

(iii) kebenaran oleh atau bagi pihak Subjek Data telah ditahan secara tidak munasabah;

Tujuan Perubatan

(c) untuk tujuan perubatan dan dilakukan oleh;

(i) pengamal perubatan profesional; atau

(ii) seseorang yang dalam keadaan terpaksa merahsiakan sesuatu yang bersamaan dengan perkara yang akan timbul jika orang itu adalah seorang profesional penjagaan kesihatan;

Prosiding Undang-Undang

(d) untuk tujuan, atau berkaitan dengan prosiding undang-undang;

Nasihat Undang-Undang

(e) untuk tujuan mendapatkan khidmat nasihat undang-undang;

Mempertahankan Hak Undang-Undang

(f) untuk tujuan mewujudkan, menjalankan atau mempertahankan hak undang-undang;

Pentadbiran Keadilan

(g) untuk pentadbiran keadilan;

Fungsi Yang Sah

(h) untuk menjalankan fungi-fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh / atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau

Maklumat Awam

(i) di mana maklumat yang terkandung di dalam Data Peribadi telah didedahkan kepada awam akibat perbuatan sengaja oleh Subjek Data.

Apakah itu Pemprosesan?

2.11 APDP diguna pakai untuk Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif yang telah "diproses". Istilah "diproses" terpakai untuk pelbagai aktiviti yang komprehensif dan termasuk pengumpulan awal Data Peribadi, penyimpanan dan penggunaannya, akses, pendedahan serta pelupusan akhir.

2.12 **Lampiran 2: Aliran Data** menetapkan bagaimana data peribadi dikumpul dan diproses oleh syarikat penerbangan dan bagaimana data peribadi sepatutnya diuruskan mengikut tujuh prinsip perlindungan data.

2.13 Pemprosesan Data Peribadi atau Data Peribadi Sensitif adalah tertakluk kepada tujuh prinsip perlindungan data seperti yang dibincangkan di bawah.

(B) Prinsip Am (Seksyen 6 APDP)

Apakah Prinsip Am?

2.14 Prinsip Am menyediakan:

(a) Pengguna Data perlu mendapatkan persetujuan sebelum memproses Data Peribadi. Walau bagaimanapun, persetujuan tidak diperlukan dalam semua keadaan;

(b) Kebenaran yang jelas diperlukan untuk memproses Data Peribadi Sensitif. Ini dibincangkan dengan lebih lanjut seperti di bawah; dan

(c) Pengumpulan dan pemprosesan Data Peribadi mestilah lengkap, berkaitan dan tidak berlebihan untuk tujuan di mana Data Peribadi dikumpul dan diproses.

2.15 Persetujuan tidak diperlukan di mana pemprosesan Data Peribadi adalah:

(a) permintaan oleh Subjek Data dengan tujuan untuk membuat kontrak;

Contoh: *Di mana penumpang yang berpotensi hendak menempah penerbangan daripada Pengguna Data, dia mesti membuat kontrak dengan Pengguna Data, yang merupakan perjanjian pengangkutan Pengguna Data, Persetujuan tidak diperlukan untuk mengumpul nama penumpang dan maklumat perhubungan untuk tujuan memasuki kontrak dengan Pengguna Data.*

(b) untuk pelaksanaan kontrak yang mana Subjek Data adalah suatu pihak yang terlibat;

Contoh: *Di mana seorang penumpang telah menempah tiket dan memasuki perjanjian pengangkutan dengan Pengguna Data, persetujuan tidak diperlukan untuk kakitangan Pengguna Data meminta nama penumpang dan nombor pasport untuk tujuan mengesahkan identiti penumpang dan mendaftar masuk penumpang tersebut ke penerbangan.*

(c) untuk mematuhi apa-apa kewajipan undang-undang Pengguna Data, selain daripada tanggungjawab yang dikenakan oleh sesuatu kontrak;

Contoh: *Di mana Pengguna Data dikehendaki menyediakan Data Peribadi penumpangnya kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 untuk menyiasat aduan pengguna terhadap Pengguna Data.*

(d) untuk melindungi kepentingan Subjek Data;

Contoh: *Di mana Pengguna Data mendedahkan nama dan alamat dalam operasi mencari dan menyelamat sekiranya berlaku insiden pada pesawat.*

(e) untuk pentadbiran keadilan; atau

Contoh: *Di mana Pengguna Data mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan Data Peribadi kepada pegawai yang diberi kuasa secara bertulis di bawah undang-undang untuk tujuan penyiasatan dan pendakwaan.*

(f) untuk menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang atau jika perintah daripada mahkamah undang-undang menghendaki pendedahan Data Peribadi.

Contoh: *Di mana syarikat penerbangan menerima perintah mahkamah untuk mendedahkan maklumat penumpang yang menaiki penerbangan tertentu untuk prosiding pendakwaan di mana tempat penumpang mereka adalah relevan untuk mewujudkan kes pendakwa.*

Bagaimanakah untuk mendapatkan Persetujuan Subjek?

2.16 Persetujuan subjek perlu diperolehi sebelum data peribadi dikumpul. Untuk syarikat penerbangan, data peribadi kebiasaannya dikumpul dari beberapa tempat seperti berikut:

(a) kaunter tiket;
(b) pusat panggilan;
(c) agensi pelancongan;
(d) dari dalam talian, melalui laman *web* atau aplikasi mudah-alih; dan
(e) melalui e-mel atau surat (untuk penerbangan sewa khas dan tempahan berkumpulan).

2.17 Jika Data Peribadi Sensitif dikumpul, kebenaran yang jelas mesti diperolehi melalui pelbagai saluran yang telah ditetapkan oleh prosedur operasi standard Pengguna Data;

2.18 Di mana Data Peribadi Sensitif dikumpulkan melalui saluran lain, seperti secara peribadi, melalui rakaman kebenaran yang jelas atau melalui borang pengumpulan data peribadi dalam talian untuk pelbagai tujuan seperti permintaan penumpang untuk perkhidmatan kerusi roda, pemilihan tempat duduk di dalam baris kecemasan disebabkan oleh suatu keadaan kesihatan atau di mana penumpang hamil, Subjek Data dikehendaki menyatakan dengan jelas tentang persetujuannya. Sebagai contoh, Subjek Data mungkin dikehendaki menurunkan tandatangannya sebagai bukti persetujuan atau menanda di kotak persetujuan yang sesuai.

Kaunter Tiket

2.19 Data peribadi dikumpul apabila pelanggan memberikan nama, nombor pengenalan dan butiran hubungan yang lain apabila membeli tiket penerbangan melalui kaunter tiket lapangan terbang atau kaunter tiket di kawasan luar bandar.

2.20 Sebenarnya, persetujuan tidak diperlukan untuk memproses data peribadi di mana pemprosesan adalah diminta oleh Subjek Data untuk tujuan memasuki kontrak. Kontrak di dalam kes ini adalah kontrak pengangkutan di antara syarikat penerbangan dengan Subjek Data. Walau bagaimanapun, jika Data Peribadi Sensitif diperolehi (seperti sama ada penumpang mempunyai keadaan kesihatan tertentu atau hamil), persetujuan bertulis yang jelas mestilah diperolehi dengan menghendaki Subjek Data sama ada menurunkan tandatangannya sebagai bukti persetujuan atau menanda di kotak persetujuan yang sesuai.

Pusat Panggilan

2.21 Data peribadi dikumpul apabila pelanggan memberi nama, nombor pengenalan dan butiran hubungan lain apabila membeli tiket penerbangan melalui telefon di pusat panggilan syarikat penerbangan.

2.22 Sebenarnya kebenaran tidak diperlukan untuk memproses data peribadi di mana pemprosesan diminta oleh Subjek Data untuk tujuan memasuki kontrak. Kontrak di dalam kes ini adalah kontrak pengangkutan di antara syarikat penerbangan demgan Subjek Data. Walau bagaimanapun, jika Data Peribadi Sensitif diperolehi (seperti sama ada penumpang mempunyai keadaan kesihatan tertentu atau hamil), kebenaran lisan yang jelas mestilah diperolehi daripada Subjek Data.

Kaunter Daftar Masuk

2.23 Data Peribadi dikumpul apabila pelanggan memberikan nama mereka, nombor pengenalan dan/atau nombor pasport semasa daftar masuk di kaunter daftar masuk lapangan terbang.

2.24 Sebenarnya, kebenaran tidak diperlukan untuk memproses data peribadi di mana pemprosesan diminta oleh Subjek Data untuk tujuan memasuki kontrak. Kontrak di dalam kes ini adalah kontrak pengangkutan di antara syarikat penerbangan dengan Subjek Data. Walau bagaimanapun, jika Data Peribadi Sensitif diperolehi (seperti sama ada penumpang mempunyai keadaan kesihatan tertentu atau hamil), persetujuan bertulis yang jelas mestilah diperolehi dengan menghendaki Subjek Data sama ada menurunkankan tandatangannya sebagai bukti persetujuan atau menanda di kotak persetujuan yang sesuai.

2.25 Walau bagaimanapun, syarikat penerbangan masih perlu memberikan Notis Privasi kepada pelanggan. Adalah dicadangkan untuk syarikat penerbangan memaparkan Notis Privasi di tempat utama di kaunter tiket dan memberikan salinan Notis Privasi sekiranya diminta.

Agensi Pelancongan

2.26 Data Peribadi penumpang seperti nama dan maklumat perhubungan boleh didedahkan oleh agensi pelancongan kepada syarikat penerbangan. Data Peribadi Sensitif penumpang seperti keadaan kesihatan boleh juga didedahkan oleh agensi pelancongan.

2.27 Dalam hal ini, syarikat penerbangan perlu mendapatkan jaminan yang bersesuaian daripada agensi pelancongan di mana agensi pelancongan mematuhi APDP dalam memperoleh Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif pelanggan.

2.28 Syarikat penerbangan boleh menggunakan contoh fasal yang diberikan dalam **Lampiran 5: Data Peribadi yang Didedahkan atau Diterima daripada Pihak Ketiga.**

Pengumpulan Dalam Talian

2.29 Data Peribadi boleh diambil daripada pelanggan apabila pelanggan membuka akaun keahlian melalui laman *web* syarikat penerbangan. Pelanggan boleh diminta tentang nama, alamat e-mel dan nombor telefon bimbit semasa membuka akaun dalam talian.

2.30 Sebenarnya, kebenaran tidak diperlukan untuk memproses data peribadi di mana pemprosesan data diminta oleh Subjek Data untuk memasuki kontrak. Kontrak di dalam kes ini adalah kontrak pengangkutan di antara syarikat penerbangan dengan Subjek Data jika data peribadi dikumpul hanya untuk tujuan membolehkan pembelian tiket penerbangan.

2.31 Walau bagaimanapun, syarikat penerbangan mungkin boleh menghantar maklumat terkini dan tawaran ataupun mempelawa pelanggan untuk menyertai program kesetiaan. Dalam kes sedemikian, syarikat penerbangan mesti mendapatkan persetujuan daripada pelanggan. **Lampiran 3: Prinsip Am** menyediakan borang templat untuk persetujuan mengumpul Data Peribadi dalam talian. Selanjutnya, jika Data Peribadi Sensitif diberikan oleh pelanggan, kebenaran bertulis yang jelas mestilah diperolehi dengan menghendaki Subjek Data sama ada menurunkan tandatangannya sebagai bukti persetujuan atau menanda di kotak persetujuan yang sesuai.

2.32 Di mana Subjek Data menempah tiket bagi pihak rakan atau ahli keluarga dan memberikan Data Peribadi rakan dan ahli keluarga (berkemungkinan juga kanak-kanak) kepada syarikat penerbangan. Syarikat penerbangan perlu memastikan bahawa jaminan diberikan oleh pelanggan yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan mempunyai bidang kuasa yang bersesuaian dan persetujuan dari pihak ketiga yang Data Peribadinya dikemukakan kepada Pengguna Data.

Tataamalan

2.33 Syarikat penerbangan perlu mengenal pasti tempat pengumpulan Data Peribadi yang relevan untuk operasi dan memastikan bahawa bahasa dan mekanisma persetujuan yang sesuai tersedia di tempat pengumpulan ini.

(C) Prinsip Notis dan Pilihan (Seksyen 7 APDP)

2.34 Prinsip Notis dan Pilihan menyediakan bahawa Pengguna Data mesti membuat notis bertulis yang tersedia kepada Subjek Data sebelum atau secepat mungkin selepas mengumpul dan memproses Data Peribadi. Kenyataan bertulis ini juga dikenali sebagai Notis Privasi.

2.35 Notis Privasi adalah pernyataan awam yang menggariskan dengan jelas amalan privasi Pengguna Data.

2.36 **Lampiran 4: Prinsip Notis dan Pilihan** menyediakan templat Notis Privasi yang boleh digunakan oleh Pengguna Data.

Bagaimanakah Notis Privasi dikomunikasikan?

2.37 Notis Privasi harus dikomunikasikan di semua tempat di mana Data Peribadi dikumpul. Ia adalah:

Kaunter Tiket

2.38 Adalah dicadangkan bahawa syarikat penerbangan memaparkan Notis Privasi di tempat utama di kaunter tiket dan memberikan salinan Notis Privasi sekiranya diminta.

Pusat Panggilan

2.39 Adalah dicadangkan bahawa pautan hyper ke Notis Privasi dimasukkan ke dalam tiket penerbangan di mana tiket tersebut akan dikeluarkan kepada pelanggan.

Kaunter Daftar Masuk

2.40 Adalah dicadangkan bahawa syarikat penerbangan memaparkan Notis Privasi di tempat utama di kaunter daftar masuk dan memberikan salinan Notis Privasi sekiranya diminta.

Agensi Pelancongan

2.41 Data peribadi penumpang seperti nama dan maklumat perhubungan boleh dizahirkan oleh agensi pelancongan kepada syarikat penerbangan. Data Peribadi Sensitif seperti keadaan kesihatan penumpang juga boleh didedahkan oleh agensi pelancongan.

2.42 Oleh itu, syarikat penerbangan harus mendapatkan jaminan yang bersesuaian daripada agensi pelancongan bahawa agensi pelancongan tersebut mematuhi APDP dalam mendapatkan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif pelanggan termasuk menyediakan pelanggan salinan Notis Privasi.

2.43 Syarikat penerbangan boleh menggunakan contoh fasal seperti di **Lampiran 5: Data Peribadi yang Didedahkan atau Diterima daripada Pihak Ketiga.**

Pengumpulan Dalam Talian

2.44 Notis Privasi boleh diberikan kepada pelanggan sebelum membuka akaun secara dalam talian atau sebelum pembelian tiket secara dalam talian oleh pelanggan.

2.45 Jika Data Peribadi telah dikumpul sebelum penguatkuasaan APDP, Pengguna Data perlu memberikan Subjek Data Notis Privasi sebelum:

(a) menggunakan Data Peribadi selain daripada tujuan sebenar semasa ia dikumpul; dan

(b) mendedahkan Data Peribadi kepada mana-mana Pihak Ketiga.

Contoh: *Pengguna Data boleh menghantar e-mel kepada Subjek Data memaklumkan kepada mereka tentang Notis Privasi yang telah dikemaskini atau membuat pengumuman di laman web korporat atau aplikasi mudah-alih korporat Pengguna Data.*

2.46 Pengguna Data juga boleh mengkomunikasikan Notis Privasi mereka, dan dianggap telah disampaikan kepada Subjek Data dengan menggunakan salah satu daripada kaedah berikut:-

(a) dengan menghantar Notis Privasi melalui pos ke alamat terakhir Subjek Data; atau

(b) dengan memaparkan secara jelas Notis Privasi di dalam laman *web* korporat Pengguna Data; atau

(c) dengan memaklumkan Subjek Data menerusi pesanan segera tentang alamat laman *web* korporat / pautan ke Notis Privasi dan / atau nombor telefon untuk meminta maklumat lanjut; atau

(d) dengan memasukkan ringkasan Notis Privasi ke dalam komunikasi tetap dengan Subjek Data dengan berserta alamat laman *web* korporat / pautan ke Notis Privasi dan / atau nombor telefon jika Subjek Data ingin meminta maklumat lanjut; atau

(e) dengan memaparkan ringkasan Notis Privasi di tempat perniagaan Pengguna Data dan menyediakan Notis Privasi penuh apabila diminta di kaunter Pengguna Data; atau

(f) dengan memaparkan mesej di skrin kiosk daftar masuk sendiri Pengguna Data dengan alamat laman *web* korporat / pautan ke Notis Privasi, nombor telefon untuk meminta maklumat lanjut dan / atau menyatakan bahawa Notis Privasi boleh diperolehi di pejabat cawangan Pengguna Data; atau

(g) dengan memasukkan suatu pernyataan dalam borang permohonan / pendaftaran yang merujuk kepada Notis Privasi, dan menyediakan pautan ke laman *web* korporat, atau nombor telefon untuk meminta maklumat lanjut; atau

(h) dengan mencetak salinan Notis Privasi dan memberikannya kepada Data Subjek di premis Pengguna Data; atau

(i) apa-apa kaedah lain untuk mengkomunikasikan Notis Privasi sebagaimana yang telah diluluskan oleh Pesuruhjaya atau yang membawa Notis Privasi kepada perhatian Pengguna Data.

Contoh: *Di mana Pengguna Data memberikan ringkasan Notis Privasi bersama-sama dengan pautan ke Notis Privasi di laman web korporatnya di dalam komunikasi e-mel dengan Subjek Data, ini mencukupi untuk membuktikan bahawa Notis Privasi telah dikomunikasikan kepada Subjek Data.*

2.47 Pengguna Data perlu menentukan cara yang paling sesuai untuk mengkomunikasikan Notis Privasi yang mana jika boleh akan sampai kepada seberapa banyak Subjek Data. Adalah disyorkan bahawa Pengguna Data menggunakan pelbagai kaedah komunikasi untuk memastikan bahawa Notis Privasi dikomunikasikan secara meluas.

Contoh: *Sesetengah Subjek Data mungkin tidak celik komputer. Dalam hal ini, syarikat penerbangan tersebut boleh mengkomunikasikan Notis Privasi melalui telefon semasa tempahan tiket dibuat atau dengan memaparkan ringkasan Notis Privasi di kaunter tempahan tiket masuk dan menyediakan salinan Notis Privasi apabila terdapat permintaan.*

2.48 Notis Privasi, apabila dikomunikasikan oleh Pengguna Data kepada Subjek Data, ia dianggap telah dikomunikasikan bagi pihak anak syarikat, syarikat induk, syarikat bersekutu dan syarikat berkaitan Pengguna Data.

2.49 Syarikat induk ("Headquarters") dibenarkan untuk mengeluarkan Notis Privasi untuk Pegguna Data yang juga adalah anak syarikat dalam kumpulan syarikat yang lebih besar.

2.50 Adalah disyorkan bahawa Pengguna Data mengkomunikasikan Notis Privasi kepada semua Subjek Data, sama ada yang sedia ada atau baru, kerana ini akan meminimumkan beban pentadbiran Pengguna Data dalam memastikan pematuhan.

Bilakah Notis Privasi Diterima?

2.51 APDP tidak memerlukan bukti bahawa Notis Privasi diterima dan / atau diterima oleh Subjek Data.

2.52 Notis Privasi akan dianggap sebagai telah dikomunikasi kepada Subjek Data setiap kali Subjek Data menggunakan perkhidmatan / kemudahan Pengguna Data yang menyediakan Notis Privasi melalui kaedah komunikasi yang dinyatakan di atas.

Penyimpanan Rekod

2.53 Pengguna Data dikehendaki menyimpan rekod setelah menyampaikan Notis Privasi kepada Subjek Data. Keperluan ini adalah untuk mengekalkan bukti / rekod bahawa Pengguna Data telah mengkomunikasikan Notis Privasi kepada Subjek Data.

Contoh: *Di mana Notis Privasi dikomunikasikan kepada Subjek Data dengan memaparkan versi ringkas Notis Privasi di tempat perniagaan Pengguna Data dan menyediakan Notis Privasi penuh di kaunter, pengeluaran Notis Privasi yang diringkaskan dan Notis Privasi penuh sudah cukup untuk membuktikan bahawa Notis Privasi telah dikomunikasikan kepada Subjek Data.*

Contoh: *Di mana Notis Privasi dikomunikasikan melalui e-mel kepada Subjek Data, pengeluaran e-mel adalah merujuk kepada Notis Privasi, Notis Privasi itu sendiri dan penyediaan nama Subjek Data yang dihantar oleh e-mel kepada, adalah memadai untuk membuktikan bahawa Notis Privasi telah dikomunikasikan kepada Subjek Data.*

Contoh: *Di mana Notis Privasi dikomunikasikan melalui perkhidmatan pesanan ringkas kepada Subjek Data, pengeluaran pesanan ringkas tersebut merujuk kepada Notis Privasi, Notis Privasi itu sendiri, dan proses untuk mengkomunikasikan pesanan ringkas tersebut kepada Subjek Data, adalah mencukupi untuk membuktikan bahawa Notis Privasi telah dikomunikasikan kepada Subjek Data.*

Tataamalan

2.54 Adalah disyorkan bahawa Pengguna Data mengenal pasti tempat pengumpulan Data Peribadi dan memastikan bahawa Subjek Data menyedari Notis Privasi tersebut ada di tempat pengumpulan ini.

(D) Prinsip Penzahiran(Seksyen 8 APDP)

2.55 "Penzahiran" tidak ditakrifkan dalam APDP. Seorang Pengguna Data boleh dianggap sebagai telah melakukan "Penzahiran" Data Peribadi apabila mereka menzahirkan Data Peribadi kepada Pihak Ketiga.

2.56 Tujuan pengisytiharan oleh Pengguna Data dalam Notis Privasi untuk pengumpulan Data Peribadi adalah penting kerana ia mempengaruhi sama ada persetujuan tambahan perlu diperolehi di bawah Prinsip Penzahiran. Prinsip Penzahiran berkait rapat dengan Prinsip Notis dan Pilihan.

2.57 Pengguna Data hanya boleh mendedahkan Data Peribadi:

(a) selaras dengan Notis Privasi;

(b) selaras dengan semua keperluan berkanun atau kontrak; atau

(c) untuk tujuan yang dibenarkan oleh Subjek Data.

Apakah Penzahiran yang Dibenarkan?

Penzahiran yang dibenarkan menurut Notis Privasi

2.58 Prinsip Pendedahan memperuntukkan bahawa Pengguna Data boleh mendedahkan Data Peribadi kepada Pihak Ketiga di mana:

(a) penzahiran tersebut adalah untuk tujuan yang diisytiharkan pada tempat pengumpulan seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi; atau

Contoh*: Pengguna Data mungkin telah memaklumkan kepada Subjek Data bahawa Data Peribadi mereka boleh dizahirkan kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga seperti dinyatakan dalam Notis Privasi untuk tujuan membolehkan fungsi perniagaan tertentu boleh dijalankan seperti perkongsian Data Peribadi dengan penyedia perkhidmatan teknologi maklumat untuk tujuan perkhidmatan penyelenggaraan teknologi maklumat.*

(b) penzahiran tersebut adalah untuk tujuan yang berkaitan secara langsung dengan maksud yang diisytiharkan dalam Notis Privasi pada tempat pengumpulan; atau

Contoh: *Di mana Pengguna Data telah memaklumkan kepada Subjek Data bahawa Data Peribadi boleh dizahirkan kepada penyedia perkhidmatan teknologi maklumat untuk tujuan perkhidmatan penyelenggaraan teknologi maklumat, sebagai contoh pendedahan kepada*

pelbagai kakitangan penyedia perkhidmatan teknologi maklumat tersebut untuk tujuan perkhidmatan penyelenggaraan teknologi maklumat.

(c) Penzahiran dibuat kepada Pihak Ketiga yang disebut dalam Notis Privasi atau kepada kelas atau kategori Pihak Ketiga sebagaimana dikenal pasti dalam Notis Privasi (sementara masih mematuhi undang-undang, peraturan, standard dan garis panduan yang berkenaan).

***C*ontoh**: *Di mana Pengguna Data telah memaklumkan kepada Subjek Data bahawa Data Peribadi boleh dizahirkan kepada rakan kongsi syarikat penerbangan untuk tujuan memudahkan penerbangan. Kategori Pihak Ketiga yang berkaitan dalam kes ini adalah rakan kongsi syarikat penerbangan.*

Penzahiran yang Dibenarkan di bawah undang-undang

2.59 Data Peribadi mungkin boleh dizahirkan untuk sebarang tujuan atau kepada mana-mana orang yang tidak disebut dalam Notis Privasi di bawah keadaan berikut:

(a) Persetujuan

Subjek Data telah memberikan persetujuan untuk Penzahiran;

(b) Jenayah

Untuk mencegah atau mengesan jenayah, atau untuk tujuan penyiasatan;

Contoh: *Di mana penipuan telah dilakukan terhadap Pengguna Data dan Pengguna Data menzahirkan maklumat tersebut kepada pakar forensik untuk penyiasatan dalaman.*

(c) Undang-Undang / Mahkamah

Dibenarkan oleh mana-mana undang-undang atau perintah mahkamah;

Contoh*: Di mana Pengguna Data perlu menzahirkan maklumat penumpang dan maklumat penerbangan menurut perintah mahkamah untuk penzahiran.*

(d) Pengawalseliaan

Untuk menjalankan fungsi pengawalseliaan;

(e) Hak Perundangan

Pengguna Data secara munasabah mempunyai hak untuk menzahirkan Data Peribadi;

Contoh: *Di mana Pengguna Data dikehendaki untuk menyediakan Data Peribadi penumpangnya kepada jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 untuk menyiasat aduan pengguna terhadap Pengguna Data.*

(f) Kepercayaan Munasabah ("Reasonable Test")

Pengguna Data secara munasabah percaya bahawa Subjek Data akan memberikan persetujuan;

Contoh: *Di mana Pengguna Data menzahirkan Data Peribadi kepada waris Subjek Data sekiranya berlaku sebarang kecemasan.*

(g) Kepentingan Awam

Penzahiran dibuat diatas kepentingan awam seperti yang ditentukan oleh Menteri;

(h) Cukai

Ia adalah untuk penilaian atau pemungutan apa-apa cukai atau tanggungjawab atau pengenaan lain yang serupa;

(i) Statistik

Ia adalah untuk statistik atau penyelidikan dalam bentuk agregat dengan hasil yang tidak diketahui dan tidak digunakan untuk perkara lain.

Contoh: *Di mana Pengguna Data menjalankan analisis data untuk menganalisa kelakuan pembelian pelanggan, dengan syarat statistik yang dihasilkan adalah tidak diketahui.*

Berurusan dengan Permintaan Penzahiran

2.60 Di mana Data Peribadi dizahirkan untuk pencegahan dan pengesanan jenayah atau untuk penyiasatan, APDP mengecualikan Pengguna Data daripada memberi maklumat kepada Subjek Data berkenaan dengan penzahiran,walaupun Permintaan Akses Data telah difailkan oleh Pengguna Data

2.61 Dalam menangani permintaan untuk penzahiran, Pengguna Data perlu menentukan sama ada:

(a) penzahiran yang dimaksudkan adalah dibenarkan mengikut Notis Privasi; atau

(b) penzahiran yang dimaksudkan adalah dikecualikan di bawah APDP.

2.62 Adalah dicadangkan bahawa Pengguna Data membuat polisi penzahiran yang memberi panduan tentang penzahiran yang dibenarkan dan prosedur yang perlu diikuti apabila berurusan dengan permintaan pihak ketiga untuk penzahiran.

2.63 Jika permintaan untuk penzahiran ditujukan kepada Pengguna Data oleh badan pengawalseliaan atau badan berkanun, atau penzahiran dikehendaki atau dibenarkan atau dibawah sebarang undang-undang atau di atas perintah mahkamah, Pengguna Data mesti:-

(a) memberikan Data Peribadi yang diminta apabila menerima permintaan bertulis merujuk kepada asas undang-undang yang berkaitan tentang permintaan tersebut; dan

(b) di mana bersesuaian, menetapkan syarat berhubung dengan penggunaan Data Peribadi yang dibenarkan dan pulangannya.

2.64 Pengguna Data tidak diwajibkan untuk mengesahkan atau memeriksa Data Peribadi yang diberikan melainkan ia dikehendaki di atas perintah mahkamah.

Berurusan dengan Penzahiran kepada Pemproses Data

2.65 Pengguna Data berkemungkinan besar menzahirkan Data Peribadi kepada Pemproses Data untuk pelbagai tujuan berkenaan dengan perniagaan Pengguna Data. Sebagai contoh, Pengguna Data mungkin berurusan dengan penyedia perkhidmatan teknologi maklumat untuk mengekalkan sistem perkakasan dan / atau perisian teknologi maklumat. Pengguna Data juga mungkin berurusan dengan agensi analisis data dan/atau agensi pemasaran untuk membantu Pengguna Data dalam mengenal pasti peluang untuk pemasaran produk kepada pelanggan Pengguna Data.

2.66 Di mana Pemproses Data terlibat, adalah disyorkan bahawa Pengguna Data memperoleh jaminan dari Pemproses Data berkenaan dengan Data Peribadi yang akan dizahirkan. Jaminan-jaminan ini mungkin termasuk, antara lain:

(a) pemproses Data hanya akan memproses Data Peribadi untuk tujuan yang berkaitan dengan lantikan oleh Pengguna Data, selaras dengan arahan Pengguna Data, dan tiada tujuan lain; dan

(b) pemproses Data akan mematuhi semua undang-undang, pengawalseliaan dan standard industri berkaitan dengan privasi, kerahsiaan atau keselamatan Data Peribadi.

2.67 **Lampiran 5: Data Peribadi yang Dizahirkan atau Diterima daripada Pihak Ketiga** menetapkan beberapa contoh fasal yang mungkin akan dimasukkan ke dalam perjanjian di antara Pengguna Data dengan Pemproses Data di mana Data Peribadi akan dizahirkan kepada Pemproses Data.

Penyimpanan Rekod

2.68 Peraturan-peraturan tersebut menghendaki Pengguna Data untuk mengekalkan senarai penzahiran kepada Pihak Ketiga termasuk Pemproses Data di mana Pihak Ketiga ini tidak termasuk dalam Notis Privasi.

2.69 Contoh Senarai Penzahiran dinyatakan di dalam **Lampiran 5: Data Peribadi yang Dizahirkan atau Diterima daripada Pihak Ketiga.**

Amalan

2.70 Di mana Pengguna Data boleh meramalkan bahawa penzahiran Data Peribadi kepada kelas tertentu Pihak Ketiga mungkin diperlukan (sama ada sebagai perkara rutin atau disebabkan sifat perniagaan syarikat penerbangan), Pihak Ketiga ini harus dikenalpasti atau disebutkan di dalam Notis Privasi. Setakat mana Pihak Ketiga tidak termasuk dalam Notis Privasi dan Pengguna Data ingin menzahirkan Data Peribadi kepada Pihak Ketiga ini, Pengguna Data harus:

(a) mendapatkan persetujuan Subjek Data; dan

(b) merekodkan penzahiran dedahan kepada kelas tertentu Pihak Ketiga.

(E) Prinsip Keselamatan (Seksyen 9 APDP)

2.71 Prinsip Keselamatan memerlukan Pengguna Data untuk meyimpan Data Peribadi dengan selamat. Pengguna Data dikehendaki mengambil langkah praktikal untuk melindungi Data Peribadi daripada sebarang "kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran, pemindahan atau pemusnahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja."

2.72 Maksud "langkah praktikal" akan berbeza dari kes ke kes, bergantung kepada sifat Data Peribadi yang diproses oleh Pengguna Data dan tahap kepekaan yang berhubung kait kepada Data Peribadi atau membahayakan di mana Subjek Data mungkin mengalami kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran, pemindahan atau pemusnahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja.

2.73 Pengguna Data harus mengambil langkah-langkah praktikal dalam melaksanakan langkah-langkah keselamatan bagi melindungi Data Peribadi yang di dalam kawalan Pengguna Data, dengan mempertimbangkan perkara berikut:-

(a) sifat Data Peribadi dan bahaya yang akan mengakibatkan kerugian, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran, pemindahan atau pemusnahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja;

(b) tempat atau lokasi di mana Data Peribadi disimpan tidak terdedah kepada ancaman fizikal dan semula jadi;

(c) sebarang langkah-langkah keselamatan yang dimasukkan ke dalam mana-mana peralatan di mana Data Peribadi disimpan;

(d) langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kebolehpercayaan, integriti dan kecekapan kakitangan yang mempunyai akses kepada Data Peribadi;dan

(e) langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pemindahan Data Peribadi yang selamat.

Contoh: *Jika Pengguna Data mempunyai kakitangan yang bekerja dari rumah, langkah penyulitan maklumat yang bersesuaian dan protokol pengendalian dokumen perlu disediakan bagi memastikan ia tidak menjejaskan keselamatan.*

2.74 Pengguna Data perlu menilai polisi yang sedia ada dan melaksanakan langkah-langkah, termasuk tetapi tidak dihadkan seperti berikut:

<u>Pentadbiran</u>

(a) Perjanjian kerahsiaan / Tiada Penzahiran;

(b) Penyeliaan / pemantauan kakitangan;

(c) Pelan latihan dan pendidikan untuk kakitangan;

(d) Menyimpan rekod kakitangan yang memproses Data;

(e) Menetapkan had kuasa untuk setiap aktiviti memproses Data Peribadi. Akses ke pelbagai Data Peribadi harus dihadkan kepada kakitangan yang diberi kebenaran dengan mengadakan nama pengguna dan kata laluan; dan

(f) Membatalkan hak akses kakitangan Data Peribadi apabila kakitangan tersebut tidak lagi menguruskan Data Peribadi atau tidak lagi bekerja untuk organisasi. Untuk cara elektronik, nama pengguna dan kata laluan harus dibatalkan.

Keselamatan Fizikal

(g) sistem kawalan akses pintu untuk masuk dan keluar daripada premis di mana Data Peribadi disimpan;

(h) menyimpan Data Peribadi di tempat sesuai yang selamat daripada ancaman fizikal dan semula jadi dan tidak terdedah;

(i) menyediakan kamera keselamatan litar tertutup (jika perlu),

(j) menyediakan kawalan keselamatan 24 jam (jika perlu);

(k) untuk Data Peribadi yang diproses secara manual, langkah-langkah keselamatan termasuk:-

(i) memastikan Data Peribadi disimpan di dalam fail dalam keadaan yang teratur;

(ii) memastikan semua fail yang mengandungi Data Peribadi disimpan di dalam tempat yang berkunci;

(iii) memastikan semua kunci disimpan di tempat yang selamat;

(iv) mengekalkan rekod di mana kunci-kunci disimpan; dan

(v) menyimpan Data Peribadi di tempat yang sesuai, di mana Data Peribadi adalah selamat dari ancaman fizikal dan semula jadi dan tidak terdedah.

Contoh: *Sebagai sebahagian daripada amalan keselamatan, syarikat penerbangan perlu memastikan bahawa maklumat di dalam komputer riba dan alat telefon mudah-alih yang diberikan kepada kakitangan adalah disulitkan. Terdapat satu protokol untuk menangani peranti yang telah dicuri termasuk memberitahu perkhidmatan teknologi maklumat dengan segera dan membolehkan maklumat dipadam dari jarak jauh.*

Skrin komputer di pejabat diletakkan dalam keaadan terlindung agar tidak dapat dilihat oleh pelawat. Terdapat sistem untuk pelupusan kertas di mana bahan buangan kertas dikumpulkan di dalam tong dengan selamat dan dicarik di tapak yang sama pada akhir setiap minggu.

Keselamatan teknikal

(l) penyulitan maklumat (*encryption)*;

(m) perisian anti-virus;

(n) polisi teknologi maklumat yang penting seperti tidak membuka lampiran e-mel daripada sumber yang tidak dijangka atau tidak diketahui;

(o) tembok api (*firewalls)*;

(p) menampal perisian. Menampal perisian adalah pembaharuan terkini daripada pencipta perisian sistem operasi atau aplikasi perisian yang biasanya mengandungi penambahbaikan potensi keselamatan;

(q) protokol ketat tentang akses jarak jauh (seperti keupayaan pekerja untuk mengakses rangkaian dari lokasi terpencil). Akses harus dihadkan kepada alamat IP yang khusus;

(r) memastikan keselamatan yang mencukupi di tempat kakitangan yang mengakses pelayar (*server)* syarikat melalui rangkaian tanpa wayar. Pengguna Data harus memastikan bahawa langkah-langkah penyulitan, tembok api, dan sesi-sesi *web* yang selamat disediakan untuk melindungi serangan mesin pihak ketiga apabila menggunakan rangkaian tanpa wayar yang tidak selamat;

(s) komputer riba mudah-alih, kekunci USB, telefon pintar dan lain-lain bentuk peranti mudah-alih harus disulitkan dan kemudahan pemadam memori jauh diaktifkan;

(t) log dan jejak audit (*audit trails*) untuk mengenal pasti penyalahgunaan. Kakitangan perlu dimaklumkan bahawa jejak berkenaan sudah tersedia ada;

(u) sistem sandaran. Pengguna Data harus menentukan kekerapan yang sesuai dan sifat sandaran.

<u>Keselamatan Organisasi</u>

(v) pelan tindak balas insiden. Pengguna Data harus menjangkakan apa yang perlu dilakukan jika terdapat pencerobohan data dan bersedia untuk bertindak balas.

Contoh: *Beberapa isu yang boleh ditangani oleh syarikat penerbangan:*

- *Apakah yang organisasi akan lakukan sekiranya berlaku insiden pencerobohan data?*
- *Adakah terdapat polisi yang menyatakan apakah pencerobohan data? (Ia mungkin termasuk hilang kawalan ke atas data peribadi termasuk akses yang tidak sesuai ke atas sistem organisasi atau penghantaran Data Peribadi kepada pihak yang salah)*

- *Bagaimana anda tahu jika organisasi telah mengalami pencerobohan data? Adakah kakitangan-kakitangan di semua peringkat faham akan implikasi kehilangan Data Peribadi?*
- *Sudahkah organisai anda mengenal pasti kepada siapakah kakitangan-kakitangan perlu laporkan jika mereka kehilangan kawalan ke atas Data Peribadi?*
- *Adakah polisi anda jelas menyatakan siapakah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan insiden tersebut?*

2.75 Pengguna Data harus mengkaji secara berkala amalan keselamatannya untuk mengesan kelemahan di dalam organisasi dan menjangka kemungkinan pencerobohan keselamatan. Rekod polisi, semakan dan latihan Pengguna Data harus disimpan.

2.76 Berhubung dengan pemindahan Data Peribadi, Pengguna Data perlu:

(a) memastikan bahawa ia telah memperolehi persetujuan bertulis daripada pengurusan tertinggi untuk pemindahan Data Peribadi menggunakan:-

(i) peranti media mudah-alih (seperti peranti penyimpanan luaran mudah-alih); atau

(ii) perkhidmatan pengkomputeran awan.

(b) merekod semua pemindahan Data Peribadi menggunakan peranti media mudah-alih dan/atau perkhidmatan pengkomputeran awan.

(c) memastikan bahawa pemindahan Data Peribadi dengan cara konvensional seperti melalui pos, dengan tangan, faks dan sebagainya direkodkan.

Berurusan dengan Penzahiran kepada Pemproses Data

2.77 Pengguna Data juga harus memastikan bahawa ia telah menandatangani kontrak dengan Pemproses Data untuk melindungi Data Peribadi daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses dan penzahiran tanpa kebenaran. **Lampiran 5: Data Peribadi yang Dizahirkan atau Diterima daripada Pihak Ketiga** menetapkan beberapa contoh fasal yang mungkin akan dimasukkan ke dalam perjanjian di antara Pengguna Data dengan Pemproses Data di mana Data Peribadi dizahirkan kepada Pemproses Data.Ini termasuk:-

(a) kerahsiaan, tiada penzahiran dan keperluan keselamatan;

(b) syarat-syarat Data Peribadi boleh diproses;

(c) perwakilan, akujanji, jaminan dan / atau indemniti yang akan disediakan oleh Pemproses Data; dan

(d) langkah-langkah keselamatan yang mentadbir urus pemprosesan yang akan dijalankan seperti yang terkandung di dalam polisi dan standard keselamatan dalaman Pengguna Data.

Tataamalan

2.78 Pengguna Data dikehendaki untuk melakukan dan melaksanakan polisi keselamatan mengikut Peraturan yang ditetapkan.

(F) Prinsip Penyimpanan (Seksyen 10 APDP)

2.79 Di bawah prinsip penyimpanan, Pengguna Data hanya boleh menyimpan Data Peribadi selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pemprosesan. Setelah tujuan tersebut dipenuhi, Pengguna Data dikehendaki memusnahkan atau memadamkan semua versi manual dan elektronik Data Peribadi secara kekal.

Bagaimana untuk Mematuhi Prinsip Penyimpanan?

2.80 Beberapa langkah yang boleh diambil oleh Pengguna Data untuk mematuhi Prinsip Penyimpanan termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-

(a) mengenal pasti semua undang-undang yang berkaitan dengan pemprosesan dan penyimpanan Data Peribadi sebelum memusnahkan sebarang Data Peribadi.

(b) Data Peribadi tidak harus disimpan lebih lama daripada yang diperlukan untuk apa-apa tujuan melainkan terdapat peruntukan undang-undang yang memerlukan penyimpanan Data Peribadi yang lebih lama.

APDP tidak mengatasi peruntukan undang-undang lain yang memerlukan penyimpanan maklumat atau dokumen untuk jangka waktu tertentu. Contohnya, Akta Syarikat 1965, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Pekerjaan 1955, Ordinan Buruh Sabah, Ordinan Buruh Sarawak, Akta Pembatasan 1953, Ordinan Batasan Sarawak dan Ordinan Batasan Sabah (Cap 72) memerlukan dokumen disimpan untuk satu tempoh masa. APDP dan undang-undang lain yang berkenaan mesti dibaca bersama;

(c) Pengguna Data mesti melupuskan borang pengumpulan Data Peribadi yang digunakan untuk tujuan komersial dalam tempoh 14 hari, melainkan borang tersebut mempunyai nilai undang-undang yang dilampirkan pada transaksi komersial.

Pengguna Data mesti memadamkan borang pengumpulan Data Peribadi dalam tempoh empat belas (14) hari penggunaan, melainkan Pengguna Data boleh menunjuk sebab keperluan untuk menyimpan borang tersebut. Sebagai contoh, borang pengumpulan mungkin diperlukan untuk tujuan transaksi yang belum selesai.

(d) Pengguna Data tidak harus menggunakan peranti media mudah-alih untuk menyimpan Data Peribadi tanpa persetujuan bertulis daripada pengurusan atasan.

Pengguna Data harus melarang penggunaan pemacu pen atau "hard disk" luaran tanpa kebenaran bertulis daripada kakitangan yang diberi kuasa.

(e) Pengguna Data mesti menyemak dan memadam Data Peribadi yang tidak lagi diperlukan dari pangkalan data.

(f) Pengguna Data mesti menggunakan jadual pelupusan Data Peribadi untuk melupuskan Data Peribadi yang telah tidak aktif untuk tempoh dua puluh empat (24) bulan. Pengguna Data mesti merekod jadual pelupusan ini.

Pengguna Data harus melaksanakan jadual penyemakan dan pelupusan Data Peribadi secara berkala dan merekodkan prosedur penyemakan dan pelupusan.

(g) Pengguna Data harus mengekalkan rekod tentang pelupusan Data Peribadi yang perlu dikemukakan sebagaimana yang diarahkan oleh Pesuruhjaya.

Berapa Lama Data Peribadi Boleh Disimpan?

2.81 APDP tidak menetapkan tempoh yang membolehkan Data Peribadi disimpan. Oleh itu, ia adalah tertakluk kepada Pengguna Data menyimpan Data Peribadi seperti yang dikehendaki dibawah undang-undang berkanun dan/atau mengikut polisi syarikat.

2.82 Data Peribadi boleh disimpan secara kekal jika ia diperlukan untuk:

(a) prosiding undang-undang atau pengawalseliaan atau penyiasatan yang serupa atau tanggungjawab untuk mengeluarkan maklumat berkenaan;

(b) jenayah disyaki atau dikesan; atau

(c) maklumat yang berpotensi mempunya kepentingan sejarah.

Keperluan ini terpakai untuk salinan dokumen manual dan elektronik yang mengandungi Data Peribadi.

Pemusnahan / Pemadaman Data Peribadi

2.83 Pengguna Data dikehendaki untuk memusnahkan Data Peribadi secara kekal dalam bentuk fizikal dan eletronik.

Contoh: *Seorang kakitangan boleh memusnahkan secara kekal salinan fizikal Data Peribadi dengan mencarik salinan kertas. Data Peribadi versi elektronik boleh dimusnahkan secara kekal dengan menggunakan perisian pemusnah yang selamat, atau mengubah penetapan alat mudah-alih kepada penetapan kilang.*

2.84 Di mana Pengguna Data perlu menyimpan Data Peribadi melebihi tempoh khusus perundangan, ia harus membuktikan keperluan yang munasabah untuknya.

Contoh: *Permulaan prosiding undang-undang atau penyiasatan berkaitan Data Subjek adalah sah untuk terus menyimpan Data Peribadi sehingga pelupusan / penutupan kes tersebut.*

2.85 Sebagai alternatif daripada memusnahkan atau memadamkan Data Peribadi secara kekal, Pengguna Data boleh menjadikan Data Peribadi tersebut tidak mempunyai nama atau identiti ("anonymise"). Data Peribadi tanpa nama dan identiti tidak dianggap sebagai Data Peribadi di bawah APDP kerana ia tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana Subjek Data.

Contoh: *Pengguna Data boleh memadamkan maklumat seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon, alamat rumah atau pasport dan nombor kad pengenalan.*

Tataamalan

2.86 Untuk melaksanakan tataamalan penyimpanan yang baik, Pengguna Data harus membangunkan standard prosedur operasi untuk tataamalan penyimpanan dan pelupusan Data Peribadi. Kakitangan yang terlibat mesti dilatih untuk melaksanakan prosedur tersebut.

(G) Prinsip Data Integriti (Seksyen 11 APDP)

2.87 Prinsip Data Integriti memerlukan Pengguna Data untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

(a) dengan mengambil kira tujuan untuk mengumpul dan memproses Data Peribadi;

(b) mana-mana tujuan yang berkaitan secara langsung.

2.88 Pengguna Data mesti mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi adalah:

(a) tepat iaitu Data Peribadi diambil dengan betul;

(b) lengkap iaitu butir-butir Data Peribadi tidak tertinggal. Maklumat yang direkodkan oleh Pengguna Data mesti mencerminkan secara tepat maklumat yang diberikan oleh Subjek Data;

(c) tidak mengelirukan iaitu Data Peribadi tidak jelas, palsu atau terdapat kesilapan yang tidak disengajakan. Sebagai contoh, status perkahwinan Subjek Data tidak boleh digambarkan dengan salah oleh Pengguna Data;.

(d) terkini iaitu Pengguna Data harus memastikan bahawa Data Peribadi yang diberikan oleh Subjek Data adalah yang terkini. Sebagai contoh, penukaran alamat yang dibuat oleh Subjek Data mesti direkodkan oleh Pengguna Data.

Apakah Langkah-langkah Munasabah ("Reasonable Steps")?

2.89 Pengguna Data boleh mengambil "langkah-langkah munasabah" untuk mematuhi Prinsip Integriti Data termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

(a) menyediakan borang di mana Subjek Data boleh melengkapkan Data Peribadi untuk mengemas kini Data Peribadi sama ada melalui elektronik atau borang fizikal;

(b) mengemas kini Data Peribadi secara serta-merta selepas menerima Permohonan Pembetulan Data daripada Subjek Data;

(c) memastikan undang-undang yang berkaitan dipatuhi dalam menentukan jenis dokumen sokongan yang diperlukan untuk menentukan kesahihan Data Peribadi Subjek Data;

(d) memaklumkan Subjek Data tentang keupayaan mereka untuk mengemas kini Data Peribadi melalui portal atau memaparkan notis di premis Pengguna Data atau cara lain yang bersesuaian;

(e) langkah-langkah munasabah yang lain mengikut tujuan mengapa Data Peribadi dikumpul.

***Contoh**: Di mana Data Peribadi disimpan oleh Pengguna Data untuk tujuan menyediakan maklumat penerbangan yang dibeli oleh Subjek Data, membuat promosi, mengemas kini maklumat terkini atau menaik taraf kepada Subjek Data, adalah munasabah untuk Pengguna Data memastikan bahawa Data Peribadi sentiasa betul dengan cara pengesahan Data Peribadi berdasarkan dokumen pengenalan*

rasmi dari Subjek Data. Walau bagaimanapun, tidak munasabah untuk mengharapkan Pengguna Data memastikan bahawa alamat Subjek Data sentiasa terkini.

***Contoh**: Pengguna Data boleh mengingatkan Subjek Data untuk mengemas kini Data Peribadi dengan memberitahu Subjek Data melalui e-mel dan / atau pada laman web korporat Pengguna Data. Tetapi adalah menjadi tanggungjawab Subjek Data untuk memaklumkan kepada Pengguna Data tentang sebarang perubahan kepada Data Peribadi.*

2.90 Berikut adalah langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan oleh Pengguna Data untuk mematuhi Prinsip Integriti Data.

(a) Pengguna Data mungkin memerlukan Subjek Data untuk memaklumkan kepada Pengguna Data sebarang pertukaran kepada Data Peribadinya. Ini adalah supaya Pengguna Data tidak melanggar Prinsip Integriti Data jika Pengguna Data tidak dimaklumkan oleh Subjek Data tentang pertukaran Data Peribadinya.

(b) Pengguna Data harus membolehkan Subjek Data untuk menghantar Permintaan Pembetulan Data untuk mengemas kini atau membetulkan Data Peribadinya di cawangan dan / atau laman *web* korporat Pengguna Data dan di tempat lain yang ada hubungan dengan Subjek Data.

2.91 Pengguna Data tidak akan melanggar Prinsip Data Integriti jika Data Peribadi yang diberikan oleh Subjek Data adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini.

2.92 Pengguna Data tidak perlu mengemas kini atau membetulkan Data Peribadi Subjek Data berdasarkan maklumat yang diberikan oleh mana-mana pihak selain Subjek Data.

2.93 Prinsip Data Integriti tidak akan dilanggar jika:-

(a) Pengguna Data menyimpan Data Peribadi yang bersifat bersejarah (sebagai contoh, alamat rumah sebelum atau nombor perhubungan Subjek Data); dan

(b) Pengguna Data menyimpan Data Peribadi yang merekodkan situasi yang berlaku secara kesilapan (sebagai contoh, di mana akaun Subjek Data telah ditamatkan secara tidak sengaja tetapi telah diaktifkan semula, Pengguna Data dibenarkan untuk menyimpan segala rekod kerana ia mencerminkan ralat dengan tepat).

Hak untuk Membetulkan Data Peribadi (Seksyen 34 of APDP)

2.94 Subjek Data berhak untuk memohon supaya Data Peribadi yang dipegang oleh Pengguna Data diperbetulkan di mana mereka menganggap bahawa Data Peribadi tersebut tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini.

Pengecualian

2.95 Pengguna Data tidak dikehendaki untuk mematuhi Permintaan Pembetulan Data (PPD) di mana Data Peribadi diproses:

(a) untuk pencegahan atau pengesanan jenayah atau untuk tujuan penyiasatan;

(b) untuk penangkapan atau pendakwaan pesalah;

(c) untuk penilaian atau pungutan cukai atau duti atau pengenaan lain yang serupa;

(d) untuk penyedian statistik atau menjalankan penyelidikan, dengan syarat Data Peribadi tidak diproses untuk tujuan yang lain dan keputusan statistik atau keputusan penyelidikan tidak disebutkan;

(e) untuk tujuan atau berhubung dengan sebarang perintah atau penghakiman mahkamah; atau

(f) untuk tujuan melaksanakan fungsi pengawalseliaan.

Bagaimanakah PPD Berfungsi?

2.96 Subjek Data membuat PPD secara bertulis kepada Pengguna Data.

2.97 Selepas menerima PPD, Pengguna Data mesti mengakui penerimaan permintaan tersebut.

2.98 Selepas membuat pengakuan penerimaan dan mengesahkan bahawa PPD telah lengkap, Pengguna Data mesti melakukan pembetulan yang diperlukan kepada Data Peribadi dan memberikan salinan Data Peribadi yang telah diperbetulkan kepada peminta dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari selepas penerimaan PPD.

2.99 Pengguna Data kemudiannya mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk membekalkan Pihak Ketiga perkara yang berkaitan dengan Data Peribadi yang terkini dengan notis bertulis tentang sebab pembetulan dilakukan.

2.100 Selepas tempoh dua puluh satu (21) hari berlalu dan Pengguna Data tidak mematuhi tempoh tersebut, Pengguna Data:

(a) mesti memberitahu Subjek Data secara bertulis sebab kelewatan dan tempoh lanjutan tidak lebih daripada empat belas (14) hari akan diberikan secara automatik kepada Pengguna Data; atau

(b) mesti memberitahu Subjek Data jika ia mempunyai sebab untuk tidak mematuhi PPD.

2.101 Jika 2.100(a) terpakai, Pengguna Data mesti mematuhi PPD dalam masa empat belas (14) hari tempoh lanjutan.

Apakan Syarat untuk PPD yang Sah?

2.102 APDP tidak memberi format yang khusus untuk PPD, Walau bagaimanapun ia mesti:

(a) secara bertulis;

(b) disertakan dengan bayaran seperti yang ditetapkan dibawah Undang-Undang Yuran melainkan dikecualikan oleh Pengguna Data;

(c) mengandungi maklumat yang diperlukan untuk mengkehendaki Pengguna Data untuk mencari Data Peribadi. Sebagai contoh, Subjek Data boleh memberikan maklumat tentang nama, nombor kad pengenalan atau pasport, alamat, nombor akaun;

(d) mengkhususkan Data Peribadi yang perlu diperbetulkan;

(e) di mana permintaan dibuat bagi pihak Subjek Data, dokumen yang diperakui perlu dikemukakan untuk menetapkan hak Subjek Data untuk membuat permintaan.

2.103 Sekiranya mana-mana syarat ini tidak dipenuhi, Pengguna Data hendaklah mengembalikan PPD kepada Subjek Data dan meminta keperluan yang ditinggalkan untuk dihantar semula.

Bagaimana jika saya menerima permintaan secara lisan?

2.104 Pengguna Data tidak perlu untuk membalas permintaan secara lisan. Walau bagaimanapun, Pengguna Data boleh memilih untuk memberi panduan kepada Subjek Data tentang cara yang betul untuk membuat PPD.

Bolehkah orang lain membuat PPD bagi pihak Subjek Data?

2.105 PPD boleh dibuat bagi pihak Subjek Data. Khususnya:

(a) di mana Subjek Data berumur di bawah 18 tahun, ibu bapa, penjaga atau orang yang dipertanggungjawabkan sebagai penjaga untuk Subjek Data boleh membuat PPD;

(b) di mana Subjek Data tidak mampu menguruskan hal ehwal sendiri, seseorang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan hal ehwal Subjek Data atau seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Subjek Data boleh membuat PPD; atau

(c) dalam kes yang berlainan, seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Subjek Data boleh membuat PPD bagi pihak Subjek Data.

Bagaimana pula dengan Data Peribadi yang dipegang oleh Pihak Ketiga?

2.106 Di mana Data Peribadi telah dizahirkan kepada Pihak Ketiga dalam masa dua belas (12) bulan sebelum hari PPD diterima, dan Pihak Ketiga belum lagi berhenti menggunakan Data Peribadi, Pengguna Data mesti mengambil langkah-langkah yang munasabah dengan memberikan salinan Data Peribadi yang terkini kepada Pihak Ketiga.

Apakah Prosedur untuk Memproses PPD?

2.107 Carta di bawah menunjukkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Pengguna Data setelah menerima PPD.


Menerima PPD bertulis
Pengguna Data memperakui penerimaan
Pengguna Data membuat pengesahan:
1. mengenal pasti / kuasa pemohon;
2. penyerahan dokumen yang diperakui untuk menyokong hak pemohon untuk meminta bagi pihak Subjek Data (jika perlu);
3. Data Peribadi yang perlu diperbetulkan telah dinyatakan dengan jelas
Menolak permohonan dan menyatakan sebab penolakan. Di mana sesuai, minta maklumat lanjut
Proses PPD dan membalas dalam masa dua puluh satu (21) hari
Memberikan Subjek Data dengan: maklumat tentang Data Peribadi yang sedang diproses; dan (jika diminta) berikan salinan Data Peribadi
Memberitahu Subjek Data secara bertulis sebab kelewatan
Memberitahu Subjek Data secara bertulis tentang keengganan untuk mematuhi PPD berdasarkan sebab dalam 2.109 dan nyatakan sebab-sebab penolakan
35 hari
Proses PPD dan balas dalam masa empat belas hari (14) tambahan
Ambil langkah-langkah yang munasabah untuk memberitahu Pihak Ketiga

2.108 Jika Pengguna Data hanya dapat memperbetulkan sebahagian daripada Data Peribadi yang diminta, Pengguna Data mesti memberikan Subjek Data Data Peribadi yang diperbetulkan sebanyak mungkin.

Bilakah Pengguna Data Boleh Menolak PPD?

2.109 Pengguna Data mempunyai hak untuk tidak mematuhi atau menolak PPD jika:

(a) Ketidakupayaan untuk mengesahkan identiti

Pengguna Data tidak dibekalkan dengan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengguna Data (seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat dan maklumat lain berkenaan Subjek Data seperti yang ditentukan oleh Pengguna Data);

(b) Ketidakupayaan untuk pengesahan pembetulan

Pengguna Data tidak dibekalkan dengan maklumat yang mencukupi, sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengguna Data, untuk menentukan bagaimana Data Peribadi itu tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini;-

Contoh: *Subjek Data menghantar PPD untuk pembetulan nama tetapi tidak menyediakan dokumen sokongan untuk permohonan mereka.*

(c) Data Peribadi tidak memerlukan pembetulan

Pengguna Data tidak berpuas hati bahawa Data Peribadi yang berkaitan dengan PPD adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini; atau

(d) PPD yang tidak tepat

Pengguna Data tidak berpuas hati bahawa pembetulan yang diminta adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan atau terkini.

Contoh: *Di mana Subjek Data mencari perubahan pada alamat rumah tetapi Pengguna Data mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemberian alamat baru adalah satu cubaan untuk mengelakkan penyerahan saman ke atas Subjek Data.*

2.110 Pengguna Data boleh memohon untuk mendapatkan bukti sokongan sebelum membetulkan Data Peribadi.

Bagaimana jika Saya Menerima Permintaan untuk Membetulkan Ekspresi Pendapat?

2.111 Di mana PPD adalah berkaitan dengan ekspresi pendapat yang dipegang oleh Pengguna Data dan sebab di atas tidak berlaku, Pengguna Data mungkin tidak bersetuju bahawa ekspresi pendapat tersebut adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini. Walau bagaimanapun, Pengguna Data mestilah:

(a) membuat nota tentang bagaimana ekspresi pendapat boleh dipertimbangkan oleh pemohon menjadi tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini;

(b) lampirkan nota kepada Data Peribadi yang mencurigakan (sebagai contoh, melampirkan nota ke fail fizikal yang mengandungi Data Peribadi) atau mengekalkan nota itu secara berasingan;

(c) memastikan bahawa nota tersebut dibawa ke perhatian seseorang yang ingin menggunakan ekspresi pendapat dan memastikan agar nota tersebut boleh didapati untuk diperiksa; dan

Contoh: *Nota tersebut boleh dimasukkan sebagai sistem pop-up untuk memberitahu orang ramai yang mengakses Data Peribadi tentang pendapat yang berbeza berkenaan dengan Data Peribadi yang mencurigakan .*

(d) melampirkan salinan nota bertulis memberitahu Subjek Data tentang penolakan Pengguna Data untuk mematuhi PPD.

Bolehkah saya mengenakan Yuran?

2.112 Pengguna Data tidak berhak mengenakan yuran untuk PPD.

Penyimpan Rekod

2.113 Pengguna Data harus mengekalkan rekod untuk semua PPD yang diterima dan keputusan yang dibuat dalam mematuhi atau tidak mematuhi setiap PPD. Ini akan membolehkan Pengguna Data untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada Subjek Data dan / atau Pengguna Data bersedia sekiranya penyiasatan dijalankan oleh Pesuruhjaya.

2.114 Sebagai amalan yang baik, Pengguna Data harus mengekalkan fail untuk setiap PPD dengan maklumat yang berikut:

(a) salinan PPD;

(b) rekod pengesahan identiti bagi seseorang yang telah diberi kuasa untuk memohon bagi pihak Subjek Data;

(c) salinan setiap surat menyurat berkaitan dengan PPD;

(d) rekod setiap keputusan yang dibuat berkenaan dengan PPD; dan

(e) salinan Data Peribadi yang telah diperbetulkan dan telah dihantar kepada Subjek Data atau seseorang yang telah diberi kuasa.

2.115 Contoh Borang PPD seperti dalam **Lampiran 6: Borang Permohonan Akses Data / Borang Permohonan Pembetulan Data.**

Tataamalan

2.116 Adalah dicadangkan bahawa Pengguna Data melaksanakan polisi dan prosedur yang berkaitan dengan kaedah untuk memastikan Subjek Data mempunyai cara untuk menghubungi Pengguna Data bagi memperbetulkan Data Peribadi mereka.

(H) Prinsip Akses (Seksyen 12 APDP)

2.117 Di bawah Prinsip Akses, Subjek Data mempunyai hak untuk memohon akses kepada Data Peribadi mereka dan hak untuk membetulkan Data Peribadi mereka yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini.

2.118 Pengguna Data dikehendaki untuk memberi maklum balas kepada sebarang Permintaan Akses Data (**"PAD"**) untuk mematuhi APDP.

2.119 Subjek Data hanya boleh mengakses Data Peribadi mereka sahaja. Subjek Data tidak boleh diberi kebenaran untuk mengakses Data Peribadi orang lain, kecuali seperti yang telah ditetapkan dibawah Kod ini.

2.120 Pengguna Data mempunyai hak untuk menolak sebarang PAD yang dihantar oleh Subjek Data. Pengguna Data boleh mengenakan caj yang sesuai untuk menyelesaikan permintaaan tersebut. Ini diterangkan dengan lebih lanjut seperti di bawah.

Pengecualian

2.121 Pengguna Data tidak dikehendaki untuk mematuhi PAD di mana Data Peribadi diproses:

(a) untuk pencegahan atau pengesanan atau untuk tujuan penyiasatan;

(b) untuk kebimbangan atau pendakwaan pesalah;

(c) untuk penilaian atau kutipan cukai atau duti atau pengenaan lain yang serupa;

(d) untuk penyediaan statistik atau menjalankan penyelidikan dengan syarat Data Peribadi tidak diproses untuk sebarang tujuan lain dan keputusan statistik dan penyelidikan tidak disebutkan;

(e) untuk tujuan atau berhubung dengan sebarang perintah atau penghakiman mahkamah; atau

(f) untuk tujuan menjalankan fungsi pengawalseliaan.

Bagaimanakah PAD berfungsi?

2.122 Subjek Data membuat PAD secara bertulis kepada Pengguna Data. PAD mungkin untuk:

(a) meminta maklumat Data Peribadi yang diproses oleh Pengguna Data; atau

(b) telah mengkomunikasikan kepada Subjek Data salinan Data Peribadi dalam bentuk yang mudah difahami. Data Subjek mesti memahami maklumat yang dibekalkan tanpa perlu merujuk semula kepada Pengguna Data untuk penjelasan.

2.123 Setelah menerima PAD, Pengguna Data mesti memperakui permintaan.

2.124 Selepas memperakui penerimaan dan mengesahkan bahawa DAR tersebut lengkap, Pengguna Data mesti menyampaikan maklumat yang diminta dan / atau salinan Data Peribadi kepada Subjek Data (jika perlu) dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas tarikh penerimaan PAD.

2.125 Setelah tempoh dua puluh satu (21) hari telah berlalu dan Pengguna Data masih belum berjaya mematuhi dalam tempoh tersebut, Pengguna Data:

(a) mesti memberitahu Subjek Data secara bertulis tentang kelewatan dan sebab-sebab kelewatan dan lanjutan yang tidak lebih dari empat belas (14) hari akan diberikan secara automatik kepada Pengguna Data; atau

(b) mesti memberitahu Subjek Data jika ia mempunyai sebab untuk tidak mematuhi PAD.

2.126 Jika 2.125(a) digunakan pakai, Pengguna Data mesti mematuhi PAD dalam tempoh lanjutan empat belas (14) hari.

Apakah Syarat untuk PAD yang Sah?

2.127 Peraturan menyatakan bahawa di mana Subjek Data tidak memerlukan salinan Data Peribadi, Subjek Data mesti memaklumkan kepada Pengguna Data secara bertulis apabila mengemukakan PAD. Untuk memudahkan hal ini, adalah dicadangkan bahawa Pengguna Data memberikan pilihan kepada Subjek Data semasa membuat PAD sama ada Subjek Data:

(a) semata-mata ingin mengesahkan sama ada atau tidak Pengguna Data mengekalkan sebarang Data Peribadi daripada Subjek Data dan jenis Data Peribadi yang dipegang oleh Pengguna Data; atau

(b) ingin memberikan salinan Data Peribadi yang dipegang oleh Pengguna Data.

2.128 APDP tidak menyatakan format tertentu. Walau bagaimanapun, ia mesti:

(a) secara betulis;

(b) disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dibawah Yuran Peraturan melainkan dikecualikan oleh Pengguna Data;

(c) mengandungi maklumat yang diperlukan untuk mengkehendaki Pengguna Data mencari Data Peribadi. Sebagai contoh, Subjek Data mungkin memberi maklumat tentang nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport, alamat dan nombor akaun;

(d) secara khusus. Permintaan untuk "semua Data Peribadi" tidak akan dipertimbangkan sebagai DAR yang betul;

(e) di mana permintaan dibuat bagi pihak Subjek Data, dokumen yang telah disahkan perlu dikemukakan untuk memberikan hak kepada Subjek Data untuk membuat permintaan.

2.129 Jika sebarang syarat-syarat ini tidak dipenuhi, Pengguna Data harus mengembalikan PAD kepada Subjek Data dan meminta untuk menghantar semula syarat-syarat yang tidak dipenuhi.

Bagaimana jika saya menerima permintaan secara lisan ?

2.130 Setelah menerima permintaan lisan, Pengguna Data harus memberi panduan kepada Subjek Data tentang cara yang betul untuk membuat PAD.

Bolehkah PAD dibuat bagi pihak Subjek Data ?

2.131 PAD boleh dibuat bagi pihak Subjek Data. Khususnya:

(a) di mana Subjek Data adalah dibawah umur lapan belas (18) tahun, ibubapa, penjaga atau orang yang dipertanggungjawabkan sebagai penjaga untuk Subjek Data boleh membuat PAD;

(b) di mana Subjek Data tidak mampu menguruskan hal ehwal sendiri, seseorang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan hal ehwal Subjek Data atau seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Subjek Data untuk membuat PAD; atau

(c) dalam kes yang lain, seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Subjek Data boleh membuat PAD bagi pihak Subjek Data.

Bagaimana jika saya menerima PAD untuk pelbagai akaun?

2.132 di mana Subjek Data mempunyai akaun yang berasingan dengan Pengguna Data, Pengguna Data mungkin memerlukan PAD yang berasingan untuk setiap akaun.

Bagaimana dengan Data Peribadi yang telah diarkibkan?

2.133 Subjek Data tidak mempunyai hak untuk mengakses Data Peribadi yang dikekalkan untuk tujuan sandaran dan arkib.

Apakah prosedur untuk memproses PAD?

2.134 Carta di bawah menunjukkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Pengguna Data setelah menerima PAD.



2.135 Jika Pengguna Data hanya boleh mencari sebahagian daripada Data Peribadi yang diminta, Pengguna Data mesti memberi Data Peribadi sebanyak mana yang boleh kepada Subjek Data.

2.136 di mana Data Peribadi terkandung dalam bentuk video atau audio, Pengguna Data boleh:

(a) mengkomunikasikan rakaman audio sebagai transkrip bertulis atau memberi Data Peribadi dalam bentuk audio (contoh: wmv atau mpeg); atau

(b) mengkomunikasikan rakaman video (termasuk imej CCTV) sebagai turutan kronologi imej atau rakaman video yang disunting di mana identiti pihak ketiga telah diselindungkan.

Apakah yang akan Berlaku jika Pengguna Data tidak mematuhi PAD?

2.137 Subjek Data mempunyai hak untuk membuat aduan kepada Pesuruhjaya jika Pengguna Data tidak mematuhi PAD. Walau bagaimanapun, Pengguna Data boleh memilih untuk tidak mematuhi PAD jika ia mempunyai sebab yang sah untuk berbuat sedemikian, seperti yang digariskan dalam APDP.

Bilakah Pengguna Data boleh menolak PAD?

2.138 Pengguna Data mempunyai hak untuk tidak mematuhi atau menolak PAD jika:

(a) Ketidakupayaan untuk mengesahkan identiti

Pengguna Data tidak diberikan maklumat sebagaimana yang dikehendaki (sebagai contoh, nama, nombor kad pengenalan, alamat dan maklumat lain yang berkenaan dengan Subjek Data seperti yang ditentukan oleh Pengguna Data) untuk mengenal pasti identiti Subjek Data atau di mana PAD yang dikemukakan oleh seseorang yang diberi kuasa, mengenal pasti hubungan orang tersebut kepada Subjek Data;

(b) Ketidakupayaan untuk mengesahkan lokasi Data Peribadi

Pengguna Data tidak dibekalkan dengan maklumat yang mencukupi oleh Subjek Data untuk menentukan lokasi sebenar Data Peribadi;

(c) Beban yang tidak seimbang

Beban atau perbelanjaan untuk memberikan akses kepada Data Peribadi tidak seimbang dengan risiko kepada privasi Subjek Data (sebagai contoh, jika masa dan kos yang akan ditanggung oleh Pengguna Data adalah lebih besar daripada kepentingan data yang diminta menerusi PAD);

(d) Penzahiran yang lain

Pengguna Data tidak dapat mematuhi PAD tanpa Menzahirkan Data Peribadi orang lain. Dalam situasi ini, Pengguna Data boleh:

(i) tidak mendedahkan nama pihak ketiga dalam Data Peribadi;

(ii) mencari persetujuan pihak ketiga jika praktikal; atau

(iii) menentukan sama ada munasabah atau tidak untuk menzahirkan Data Peribadi tanpa persetujuan pihak ketiga.

(e) Perintah Mahkamah

Memberi akses yang mana boleh melanggar perintah mahkamah;

(f) Kerahsiaan

Memberi akses yang mana boleh menzahirkan maklumat komersial yang sulit;

(g) Peraturan

Akses sedemikian adalah dikawal oleh undang-undang selain dari APDP, (sebagai contoh, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015); atau

2.139 Di mana Pengguna Data mempunyai sebab untuk menolak, Pengguna Data boleh memilih untuk menolak untuk memberi semua atau sesetengah Data Peribadi, bergantung kepada keadaan.

Bolehkah saya mengenakan yuran ?

2.140 Selaras dengan Peraturan Yuran, Pengguna Data berhak untuk mengenakan yuran kepada Subjek Data untuk setiap PAD yang dihantar. Yuran maksimum yang perlu dibayar oleh Subjek Data untuk penyerahan PAD adalah:

Item	Deskripsi	Yuran maksimum (RM)
(a)	Untuk Data Peribadi dengan salinan	10
(b)	Untuk Data Peribadi tanpa salinan	2
(c)	Untuk Data Peribadi Sensitif dengan salinan	30
(d)	Untuk Data Peribadi Sensitif tanpa salinan	5

Menyimpan Rekod

2.141 Pengguna Data harus mengekalkan semua rekod PAD yang diterima dan juga keputusan untuk mematuhi atau tidak mematuhi untuk setiap PAD. Ini membolehkan Pengguna Data menjawab sebarang pertanyaan daripada Subjek Data dan / atau sediakan Pengguna Data sekiranya penyiasatan dijalankan oleh Pesuruhjaya.

2.142 Sebagai amalan yang baik, Pengguna Data harus mengekalkan fail untuk setiap PAD dengan maklumat seperti berikut:

(a) salinan PAD;

(b) rekod pengesahan identiti oleh seseorang yang diberikan kuasa untuk membuat permohonan bagi pihak Subjek Data;

(c) semua salinan surat menyurat berkenaan dengan PAD;

(d) rekod sebarang keputusan yang dibuat berkenaan dengan PAD; dan

(e) salinan Data Peribadi yang dihantar kepada Subjek Data atau orang yang diberikan kuasa.

2.143 Sampel Borang PAD boleh dirujuk dalam **Lampiran 6: Borang Permintaan Akses Data / Borang Permintaan Pembetulan Data.**

3.0 Hak-Hak Subjek Data

(A) Hak untuk Menghalang Pemprosesan Data Peribadi Yang Mungkin Menyebabkan Kerosakan atau Kesusahan (Seksyen 42 APDP)

3.1 Subjek Data boleh, melalui notis bertulis, memerlukan Pengguna Data untuk:

(a) menghentikan pemprosesan Data Peribadi; atau

(b) tidak memulakan pemprosesan Data Peribadi,

di mana pemprosesan akan menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan yang besar dan tidak wajar atau kesusahan kepada Subjek Data atau orang lain.

Apakah "substansial" atau "diwajarkan"?

3.2 "Kerosakan substansial", "kebimbangan substansial" dan "ketidakwajaran" tidak ditakrifkan di bawah APDP. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakkan kes:

(a) "kerosakan substansial" termasuk kerugian kewangan yang dialami oleh Subjek Data;

(b) "kebimbangan substansial" termasuk trauma secara emosi atau mental yang dialami oleh Subjek Data; dan

(c) "ketidakwajaran" bermaksud kerosakan atau kesusahan yang dialami oleh Subjek Data yang tidak boleh dijustifikasikan.

Bilakah permintaan boleh ditolak ?

3.3 Subjek Data tidak mempunyai hak untuk menghalang pemprosesan di mana:

(a) Subjek Data telah memberikan persetujuan untuk pemprosesan; atau

(b) pemprosesan tersebut adalah perlu;

(i) untuk melaksanakan kontrak yang dimasuki oleh Subjek Data;

(ii) mengambil langkah-langkah di atas permintaan Subjek Data dengan tujuan untuk memasuki kontrak;

(iii) untuk mematuhi tanggungjawab undang-undang yang dikenakan kepada Pengguna Data, selain daripada kontrak; atau

(iv) untuk melindungi kepentingan Subjek Data, seperti perkara yang melibatkan kehidupan, kematian atau keselamatan Subjek Data.

Apakah tempoh masa yang harus dipatuhi oleh Pengguna Data?

3.4 Setelah menerima notis bertulis untuk menghentikan pemprosesan atau tidak memulakan pemprosesan Data Peribadi, Pengguna Data mesti memberi notis bertulis kepada Subjek Data dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari penerimaan notis tersebut yang menyatakan:

(a) bahawa Pengguna Data telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhi notis tersebut;

(b) jika Pengguna Data tidak berhasrat untuk mematuhi permintaan tersebut, alasan perlu diberikan untuk keputusan tersebut;

(c) di mana berkenaan, nyatakan sebab-sebab permintaan tersebut adalah tidak wajar, dan sejauh mana beliau telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhi permintaan tersebut.

Bagaimanakah Pengguna Data menilai permintaan tersebut?

3.5 Pengguna Data boleh mempertimbangkan perkara seperti berikut apabila membuat keputusan sama ada untuk mematuhi permintaan tersebut:

(a) Adakah permintaan Subjek Data untuk tujuan yang sah? Subjek Data harus memberikan sebab-sebab yang sah kerana kerosakan atau kesusahan yang terjadi adalah "substansial".

(b) Adakah kerosakan dan kesusahan tidak wajar? Ini berhubung kait sama ada Subjek Data telah memberikan sebab-sebab yang sah untuk permintaan tersebut.

Hak Subjek Data

3.6 Di mana Pengguna Data tidak mematuhi notis tersebut, Subjek Data boleh memohon kepada Pesuruhjaya untuk meminta Pengguna Data mematuhi notis tersebut.

3.7 Jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa permintaan Subjek Data adalah wajar, Pesuruhjaya boleh mengarahkan Pengguna Data untuk mamatuhi permintaan tersebut.

(B) Hak untuk Menghalang Pemprosesan Data Peribadi untuk Tujuan Pemasaran Langsung (Seksyen 43 APDP)

3.8 Subjek Data mempunyai hak untuk, melalui notis bertulis, memerlukan Pengguna Data untuk menghentikan atau tidak memulakan pemprosesan Data Peribadi untuk tujuan pemasaran langsung. Bahagian B, Bab 5 menghuraikan dengan lebih lanjut tentang praktis sektor penerbangan berkenaan dengan pemasaran langsung.

3.9 Pengguna Data mesti mematuhi permintaan tersebut dalam tempoh masa yang munasabah.

3.10 Permohonan Subjek Data secara bertulis mesti dikomunikasikan ke seluruh organisasi untuk memastikan bahawa permintaan Subjek Data dipatuhi. Di mana ada keperluan untuk Pengguna Data mengemas kini sistem dan pengkalan yang berkenaan untuk mencerminkan arahan Subjek Data. Pengguna Data secara kebiasaannya diharapkan dapat mematuhi permintaan Subjek Data dalam tempoh tiga (3) bulan.

3.11 Di mana Subjek Data membuat permintaan secara bertulis memohon untuk menerima beberapa bahan pemasaran langsung dan bukan yang lain, Pengguna Data boleh memilih untuk tidak memberikan Subjek Data dengan semua bahan pemasaran langsung, sekiranya sistem mereka tidak berupaya untuk membezakan antara jenis bahan pemasaran yang berlainan.

Berurusan dengan Pemasaran Langsung ("Direct Marketing")

3.12 Pemasaran langsung ditakrifkan sebagai "komunikasi dalam sebarang bentuk bahan pengiklanan atau pemasaran yang ditujukan kepada pelanggan tertentu".

3.13 Pengguna Data mengumpul banyak maklumat peribadi. Pemprosesan maklumat yang banyak oleh Pengguna Data membawa kepada potensi jualan silang dan sasaran tingkah laku untuk mengambil kesempatan terhadap bidang yang belum diterokai sebelum ini untuk menjana pendapatan.

3.14 Pemasaran langsung mesti mengandungi bahan pengiklanan atau pemasaran **yang ditujukan kepada pelanggan tertentu.** Bahan pemasaran yang tidak ditujukan kepada seseorang individu yang tertentu tetapi dihantar kepada semua pelanggan oleh Pengguna Data tidak akan dianggap sebagai pemasaran langsung.

Contoh*: Mempamerkan sepanduk tawaran promosi kepada pelanggan syarikat penerbangan di mana ia boleh dilihat oleh pelanggan berpotensi yang menggunakan laman web syarikat penerbangan tersebut.*

Apakah keperluan untuk pemasaran langsung di bawah APDP?

3.15 Pesuruhjaya tidak mengeluarkan garis panduan rasmi tentang urusan pemasaran langsung. Walau bagaimanapun, adalah dicadangkan bahawa Pengguna Data mematuhi amalan-amalan seperti berikut:-

Persetujuan

(a) Pengguna Data mesti memperolehi persetujuan Subjek Data untuk menggunakan Data Peribadi mereka untuk pemasaran langsung melalui surat pos. Untuk pemasaran langsung melalui elektronik, Subjek Data mesti memberikan **persetujuan yang jelas**. **Lampiran 3: Prinsip Am** menyediakan templat persetujuan untuk pemasaran langsung.

Pilihan keluar

(b) APDP memberikan hak kepada Subjek Data untuk menarik balik persetujuan untuk memproses pemasaran langsung. Pengguna Data harus memastikan bahawa Subjek Data boleh menarik balik persetujuan pada bila-bila masa:

(i) Subjek Data harus mempunyai pilihan untuk keluar daripada pemasaran langsung pada peringkat awal pengumpulan, sebagai contoh melalui kotak untuk menanda pilihan keluar;

(ii) hak untuk pilihan keluar mesti disediakan dalam setiap mesej pemasaran yang berikut. Sebagai contoh, Subjek Data mungkin akan diberi pautan di mana mereka boleh klik untuk "berhenti melanggan" untuk komunikasi pemasaran yang selanjutnya; dan

(iii) Notis Privasi Pengguna Data harus menyatakan dengan jelas kaedah lain di mana Subjek Data boleh menghubungi Pengguna Data untuk menarik balik persetujuan mereka untuk pemasaran langsung.

Adalah dicadangkan bahawa Pengguna Data membangunkan sistem untuk menguruskan permintaan penolakan tersebut bagi memastikan semua permintaan penolakan dicatat dengan tepat dan bahan pemasaran tidak dihantar kepada Subjek Data. Pengguna Data juga boleh membangunkan prosedur operasi standard dan polisi yang berkaitan dengan pengurusan permintaan tersebut.

Sumber Data Peribadi

(c) Data Peribadi mesti diperolehi semasa urusan perniagaan yang terdahulu dengan Subjek Data, seperti penjualan produk atau perkidmatan.

Dimaklumkan

(d) Subjek Data mesti dimaklumkan tentang identiti Pengguna Data, bahawa Data Peribadi Subjek Data akan digunakan untuk pemasaran langsung, dan sama ada Data Peribadi akan dizahirkan kepada pihak ketiga lain yang berkenaan dengan pemasaran langsung.

Produk / Perkhidmatan yang Serupa

(e) pemasaran langsung mesti dihadkan kepada produk dan perkidmatan yang serupa.

Bolehkah saya mendapatkan Data Peribadi daripada sumber yang tersedia secara umum?

3.16 Pengguna Data tidak boleh menggunakan Data Peribadi yang diperolehi daripada sumber yang tersedia secara umum seperti maklumat yang dijumpai di Facebook atau internet untuk tujuan pemasaran langsung kerana Subjek Data tidak menyediakan maklumat tersebut secara terbuka untuk tujuan menerima sebarang komunikasi permasaran langsung yang tidak diingini dan tidak memberikan persetujuan mereka untuk menerima komunikasi sedemkikian.

Bolehkah saya melantik pihak ketiga untuk menjalankan pemasaran langsung bagi pihak saya?

3.17 Pengguna Data boleh melantik Pemproses Data pihak ketiga untuk menjalankan pemasaran langsung bagi pihaknya. Walau bagaimanapun, ia harus memastikan bahawa terdapat perjanjian di antara Pengguna Data dan Pemproses Data. Syarikat penerbangan boleh menggunakan contoh klausa yang disediakan dalam **Lampiran 5: Data Peribadi yang Dizahirkan atau Diterima daripada Pihak Ketiga.**

(C) Hak Untuk Menarik Balik Persetujuan untuk Pemprosesan Data Peribadi (Seksyen 38 APDP)

3.18 Subjek Data boleh menarik balik persetujuan mereka untuk memproses Data Peribadi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pengguna Data.

3.19 Pengguna Data mesti menghentikan pemprosesan Data Peribadi Subjek Data sejurus penerimaan dan pengesahan notis. Walau bagaimanapun, Pengguna Data tidak perlu berhenti memproses data sehingga penolakan persetujuan akan menjejaskan hak dan tanggungjawab Pengguna Data di bawah kontrak atau undang-undang.

***Contoh**: Hak dan tanggungjawab tersebut termasuk:*

(a) hak untuk dibayar kepada perkhidmatan yang telah diberikan, sebagai contoh, penyelesaian tempahan atau invois cukai, atau bayaran tertunggak;

(b) hak untuk membawa dan mengekalkan prosiding undang-undang terhadap Subjek Data (sebagai contoh: di mana penumpang telah membuat aduan atau memulakan prosiding undang-undang terhadap syarikat penerbangan, syarikat penerbangan boleh menyimpan Data Peribadi untuk memastikan ia mempunyai rekod transaksi yang lengkap, di mana rekod termasuk Data Peribadi (contoh nama, nombor pasport / nombor kad pengenalan, alamat, dll);

(c) hak untuk memulakan atau meneruskan penyiasatan dalaman yang melibatkan Subjek Data;

(d) tanggungjawab untuk mengekalkan Data Peribadi untuk jangka masa sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang yang berkaitan; sebagai contoh, untuk mengekalkan Data Peribadi di bawah Akta Arkib Kebangsaan 2003; dan

(e) pengendalian audit dalaman, pengurusan risiko dan / atau memenuhi keperluam undang-undang atau keperluan melaporkan pengawaseliaan.

4.0 Isu-isu Khusus

A) Menguruskan Pemindahan Data Peribadi ke Luar Negara

4.1 Pengguna Data kebiasaannya beroperasi dalam beberapa bidang kuasa dan mungkin memerlukan pemindahan Data Peribadi kepada bidang kuasa di luar Malaysia, antara lain, rakan kongsi syarikat penerbangan, anak syarikat di luar negara atau pelayar sandaran. Di dalam APDP terkandung sekatan tentang pemindahan Data Peribadi di luar negara kecuali Subjek Data telah bersetuju untuk pemindahan tersebut.

4.2 Di mana Subjek Data tidak bersetuju untuk pemindahan, APDP membenarkan pemindahan ke luar Negara di mana:

(a) pemindahan tersebut adalah perlu untuk perlaksanaan kontrak di antara Pengguna Data dan Subjek Data;

(b) pemindahan tersebut adalah perlu untuk melaksanakan atau menyelesaikan kontrak di antara Pengguna Data dan pihak ketiga di mana ia telah dimasuki di atas permintaan atau untuk kepentingan Subjek Data;

***Contoh**: Di mana Pengguna Data perlu memindahkan Data Peribadi kepada rakan kongsi syarikat penerbangan untuk memastikan penerbangan sambungan tersedia untuk keperluan perjalanan penumpang.*

(c) pemindahan tersebut adalah untuk prosiding undang-undang atau mendapatkan nasihat perundangan atau menubuhkan, melaksanakan atau mempertahankan hak perundangan;

(d) Pengguna Data mempunyai alasan yang munsabah untuk mempercayai bahawa di dalam semua keadaan kes:

(i) pemindahan tersebut adalah untuk mengelakkan atau pengurangan tindakan tidak baik terhadap Subjek Data;

(ii) adalah tidak praktikal untuk mendapatkan persetujuan daripada Subjek Data secara bertulis untuk pemindahan tersebut; dan

(iii) sekiranya praktikal untuk memperolehi persetujuan tersebut, Subjek Data akan memberikan persetujuannya.

(e) Pengguna Data telah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan penilaian cermat untuk memastikan bahawa Data Peribadi tidak akan diproses dibidang kuasa yang lain dengan melanggar standard yang ditetapkan di dalam APDP;

***Contoh**: Pengguna Data telah menjalankan penilaian cermat ke atas pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terpilih dan telah memasuki perjanjian pemindahan data dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga.*

(f) pemindahan tersebut adalah perlu untuk melindungi kepentingan Subjek Data; atau

(g) pemindahan tersebut adalah perlu kerana ia melibatkan kepentingan awam seperti yang ditentukan oleh Menteri.

Tataamalan

4.3 Untuk membolehkan pemindahan Data Peribadi ke luar negara, cara pengecualian yang paling praktikal yang Pengguna Data boleh bergantung adalah dengan memperolehi persetujuan Subjek Data untuk pemindahan tersebut. Persetujuan boleh diperolehi melalui Notis Privasi dan bahasa persetujuan. Pengguna Data boleh melakukannya dengan menangani isu pemindahan melalui Notis Privasi dan memaklumkan kepada Subjek Data bahawa Data Peribadi mereka mungkin dipindahkan ke luar Negara.

4.4 Adalah dicadangkan bahawa Pengguna Data menjalankan penilaian cermat ke atas penerima Data Peribadi dan memastikan jaminan yang bersesuaian diperolehi daripada penerima Data Peribadi seperti:

(a) bahawa penerima memberikan semua maklumat dan kerjasama tentang pemprosesan Data Peribadi kerana Pengguna Data mungkin memerlukannya utuk mematuhi APDP;

(b) untuk menjalankan pemprosesan hanya seperti yang diperlukan untuk memenuhi tanggungjawab kontrak kepada Pengguna Data;

(c) tidak menzahirkan Data Peribadi kepada orang lain kecuali setakat mana yang perlu untuk memenuhi tanggungjawab kontrak kepada Pengguna Data;

(d) untuk melindungi keselamatan Data Peribadi dan melaksanakan dan mengekalkan langkah keselamatan teknologi dan organisasi dan memberikan butiran yang sama kepada Pengguna Data jika diminta;

(e) tidak menyimpan Data Peribadi Subjek Data untuk tempoh yang lebih lama daripada diperlukan untuk memenuhi tanggungjawab kontrak penerima kepada Pengguna Data; dan

(f) untuk membenarkan Pengguna Data dan / atau wakilnya untuk menjalankan pemeriksaan kemudahan pemprosesan penerima Data Peribadi untuk memastikan pematuhan dengan APDP.

(B) Isu-isu Lain

Bolehkah saya mengambil gambar di majlis korporat?

4.5 Foto mengandungi imej Subjek Data yang mungkin boleh dikenal pasti identiti Subjek Data. Imej tersebut adalah berkemungkinan besar Data Peribadi.

4.6 Pengguna Data boleh mengambil gambar di majlis korporat. Walau bagaimanapun, Pengguna Data harus mengamalkan amalan seperti berikut:

(a) di mana acara tersebut adalah melalui undangan, Pengguna Data harus menyatakan dalam kad jemputan bahawa gambar akan diambil dan imej tersebut mungkin akan digunakan untuk penerbitan;

(b) jika majlis tersebut terbuka kepada orang awam, notis yang jelas harus diletakkan di pintu masuk atau resepsi tempat majlis dijalankan untuk memaklumkan kepada tetamu bahawa gambar akan diambil dan imej tersebut mungkin akan digunakan untuk penerbitan oleh Pengguna Data.

Apakah yang perlu saya lakukan jika saya menghubungi Subjek Data tetapi orang lain yang menjawab?

4.7 Pengguna Data mungkin dikehendaki menghubungi Subjek Data dalam beberapa keadaan. Jika panggilan tersebut dijawab oleh orang lain selain daripada Subjek Data, adalah dibenarkan untuk Pengguna Data memberitahu penerima panggilan tersebut identiti Pengguna Data, meminta maklumat tentang waktu kelapangan Subjek Data dan menyatakan bahawa Pengguna Data akan menghubunginya kemudian.

4.8 Pengguna Data tidak boleh menzahirkan maklumat lanjut, seperti sebarang maklumat yang berkaitan dengan nombor akaun ahli, atau sebarang jadual penerbangan.

Bagaimana dengan pemasangan CCTV?

4.9 Pengguna Data mesti mempamerkan notis yang boleh dilihat oleh pelawat premis yang memaklumkan kepada orang awam tentang operasi CCTV dan tujuan pemasangan CCTV tersebut.

4.10 Notis hendaklah:

(a) di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu;

(b) jelas kelihatan di semua pintu masuk dan keluar premis Pengguna Data, terutama disekitar zon pengawasan CCTV; dan

(c) menerangkan tujuan rakaman dan maklumat perhubungan orang yang bertanggungjawab untuk rakaman CCTV.

4.11 Pengguna Data boleh menggunakan contoh notis seperti:

(a) Dalam Bahasa Inggeris

Security Notice: These premises are under 24-hour CCTV camera surveillance. Images are recorded for the purpose of crime prevention and public safety. For further information, please contact [●].

(b) Dalam Bahasa Melayu

Notis Keselamatan: Premis ini adalah di bawah pengawasan 24 jam kamera CCTV. Imej dirakam bagi tujuan pencegahan jenayah dan keselamatan awam. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi [●].

Mempamerkan Sijil Pendaftaran

4.12 Syarikat Penerbangan adalah dikehendaki untuk mendapatkan dan mempamerkan Sijil Pendaftaran asal yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di ibu pejabat syarikat.

4.13 Di setiap cawangan, Pengguna Data dikehendaki untuk mempamerkan salinan Sijil Pendaftaran yang telah disahkan oleh Persuruhjaya.

4.14 Cawangan bermaksud mana-mana pejabat yang dikendalikan oleh Pengguna Data di mana interaksi berlaku dengan Subjek Data. Walau bagaimanapun, kiosk, tempat pertukaran barang dan pejabat yang tiada interaksi dengan Pengguna Data tidak dianggap sebagai "cawangan".

4.15 Pengguna Data boleh mempamerkan Sijil Pendaftaran di papan notis di dalam premis, paparan elektronik dan di laman *web* korporat Pengguna Data.

5.0 Pematuhan dalam Tataamalan

Mengekalkan Sistem APDP

5.1 Peraturan-peraturan memerlukan Pengguna untuk mengekalkan sistem Data Peribadi di mana ia mesti tersedia untuk diperiksa oleh Pesuruhjaya atau pegawai yang berkaitan. Pengguna Data mesti mengekalkan:

(a) rekod persetujuan daripada Subjek Data berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi oleh Pengguna Data;

(b) rekod notis bertulis yang dikeluarkan oleh Pengguna Data kepada Subjek Data;

(c) senarai penzahiran kepada Pihak Ketiga yang berkenaan dengan Data Peribadi yang telah atau sedang diproses oleh Pihak Ketiga;

(d) rekod pematuhan mengikut dengan Standard Penyimpanan;

(e) rekod pematuhan mengikut Standard Integriti Data; atau

(f) lain-lain maklumat yang berkaitan.

Polisi dan Prosedur

5.2 Melaksanakan pematuhan yang melibatkan pembuatan polisi dan prosedur yang menetapkan perkara yang boleh dilakukan dan dilarang berkenaan dengan Data Peribadi.

5.3 Selanjutnya:

(a) polisi dan prosedur ini mesti dikomunikasikan kepada kakitangan;

(b) kakitangan yang berkaitan harus dilatih tentang polisi, prosedur dan diberi pengetahuan tentang APDP, Standard dan Peraturan. Kakitangan harus dilatih tentang APDP dan polisi perlindungan data yang berkaitan apabila mereka mula menyertai syarikat;

(c) Kesedaran tentang polisi perlindungan data yang berkaitan harus menjadi sebahagian daripada setiap kakitangan Pengguna Data;

(d) Pengguna Data harus melaksanakan tahap kebenaran dan memberi akses Data Peribadi kepada kakitangan yang terpilih sahaja;

(e) klausa kerahsiaan dan kemungkinan sekatan untuk pencerobohan harus dimasukkan ke dalam perjanjian pekerjaan atau manual / buku panduan kakitangan; dan

(f) Pengguna Data harus menyediakan protokol untuk langkah-langkah yang perlu diambil menurut pencerobohan keselamatan dan pelanggaran APDP oleh kakitangan.

5.4 Pengguna Data adalah digalakkan untuk memastikan yang latihan dan / atau kesedaran yang bersesuaian disediakan untuk setiap kakitangan bagi memastikan kakitangan memahami kepentingan untuk mematuhi polisi dan prosedur tersebut. Kakitangan yang berkaitan akan dikenal pasti untuk menerima latihan khusus, seperti latihan keselamatan dan kesedaran penipuan dan mengendalikan akses data / permohonan pembetulan.

5.5 Pengguna Data harus memastikan bahawa ia mengikuti perkembangan terkini berkenaan APDP dan sentiasa memberikan latihan kepada kakitangan apabila diperlukan untuk terus mengikuti sebarang perubahan.

6.0 Pentadbiran Kod

Pematuhan dan Pemantauan

6.1 Pengguna Data mesti membuat dan melaksanakan polisi pematuhan, prosedur dan rangka kerja yang bersesuaian untuk memastikan pematuhan dengan APDP dan Kod ini.

6.2 Untuk memantau pematuhan, Pengguna Data adalah digalakkan untuk:

(a) melaksanakan pemantauan rangka kerja dalaman; dan

(b) menjalankan audit.

6.3 Jika Pengguna Data mengenal pasti kekurangan dan kelemahan dalam melaksanakan rangka kerja pematuhan, Pengguna Data harus memastikan bahawa kekurangan atau kelemahan ini telah ditangani secepat yang mungkin.

6.4 Adalah dicadangkan bahawa Pengguna Data:

(a) melaksanakan sistem pelaporan oleh orang-orang yang utama di dalam organisasi (sebagai contoh, pegawai yang bertanggungjawab untuk pematuhan APDP, ketua unit perniagaan dan kakitangan utama yang berkaitan) kepada pengurusan kanan Pengguna Data, untuk menyemak dan menilai status pelaksanaan APDP dan Kod ini. Ini akan membolehkan Pengguna Data untuk memantau isu-isu, menangani kekurangan dan memantau perkembangan Pengguna Data dalam mematuhi APDP dan Kod ini.

(b) menjalankan audit secara berkala untuk mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan pematuhan APDP dan Kod ini.

6.5 Di mana perlu, Pengguna Data harus berjumpa di antara satu sama lain bagi membincangkan isu-isu yang berbangkit di bawah Kod ini dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Pindaan

6.6 Kod ini boleh dipinda, disemak semula atau dikemas kini untuk memasukkan semua perubahan kepada APDP. Pesuruhjaya akan memberitahu Pengguna Data secara bertulis tentang semua pindaan, semakan atau kemas kini kepada APDP.

6.7 Pindaan ke atas Kod ini boleh dibuat di mana:

(a) terdapat pindaan kepada APDP, Peraturan dan / atau Standard;

(b) Pesuruhjaya membuat pindaan di atas kehendaknya sendiri; dan / atau

(c) Pengguna Data membuat cadangan untuk pindaan kepada Pesuruhjaya berdasarkan keputusan semakan Kod ini.

6.8 Pesuruhjaya akan memasukkan butir-butir pindaan di dalam Daftar Kod Tataamalan dan akan menyediakan perkara yang sama untuk orang awam.

6.9 Setiap pindaan kepada Kod ini akan berkuatkuasa semasa pendaftarannya di dalam Daftar Kod Tataamalan .

7.0 Lampiran

LAMPIRAN 1 – DEFINISI/GLOSARI

Perkataan	**Definisi**
Kod	Kod Tataamalan Perlindungan Data Peribadi ini adalah untuk Sektor Penerbangan.
Kumpul	Berkenaan dengan Data Peribadi, suatu perbuatan di mana Data Peribadi dimasukkan atau di bawah kawalan Pengguna Data.
Transaksi Komersial	Sebarang transaksi bersifat komersial, sama ada secara berkontrak atau tidak, yang merangkumi sebarang perkara yang berkaitan dengan pembekalan atau pertukaran barangan atau perkhidmatan, agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans, tetapi tidak termasuk perniagaan pelaporan kredit, perniagaan yang dijalankan oleh agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.
Pesuruhjaya	Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dilantik mengikut APDP.
Permohonan Akses Data	Permohonan bertulis yang dibuat oleh Subjek Data kepada Pengguna Data untuk mengakses Data Peribadi Subjek Data tersebut.
Permohonan Pembetulan Data	Permohonan bertulis yang dibuat oleh Subjek Data kepada Pengguna Data untuk membetulkan Data Peribadi Subjek Data tersebut.
Pemproses Data	Mana-mana orang, selain daripada kakitangan Pengguna Data, yang memproses Data Peribadi hanya bagi pihak Pengguna Data, dan tidak memproses Data Peribadi untuk tujuannya sendiri.
Subjek Data	Seseorang yang menjadi subjek Data Peribadi. Di bawah Kod ini, ia termasuk yang berikut: (a) orang yang sedang atau pernah menjadi pelanggan kepada Pengguna Data; (b) orang yang mewakili pelanggan Pengguna Data (seperti ibubapa kepada anak kecil, pemegang amanah dan wakil yang diberi kuasa); dan (c) orang yang telah dikenal pasti sebagai pelanggan berpotensi oleh Pengguna Data.
Pengguna Data	Seseorang yang sama ada bersendirian atau bersama-sama atau serupa dengan orang lain yang memproses sebarang Data Peribadi atau yang mempunyai

	kawalan atau membenarkan pemprosesan, tetapi tidak termasuk Pemproses Data. Di bawah Kod ini:- (a) Malaysia Airlines Berhad; (b) AirAsia Berhad; (c) AirAsia X Berhad; (d) MASWINGS Sdn. Bhd; (e) Malindo Airways Sdn Bhd; (f) Berjaya Air Sdn Bhd; dan (g) FlyFirefly Sdn Bhd.
Pemasaran Langsung	Komunikasi dengan apa cara bentuk pengiklanan atau bahan pemasaran yang ditujukan kepada orang tertentu.
Penzahiran	Berhubung dengan Data Peribadi, suatu perbuatan di mana Data Peribadi disediakan oleh Pengguna Data.
Ekspresi Pendapat	Penegasan fakta yang tidak boleh disahkan atau di dalam semua keadaan adalah tidak praktikal untuk disahkan.
Peraturan Yuran	Peraturan (Yuran) Pelindungan Data Peribadi 2013.
Memilih masuk	Merujuk kepada pilihan positif yang dilakukan oleh Subjek Data bagi memilih untuk menerima atau melanggan perkhidmatan dan / atau komunikasi pemasaran daripada Pengguna Data.
Memilih keluar	Merujuk kepada tindakan positif yang dilakukan oleh Subjek Data untuk tidak melanggan atau tidak menerima perkhidmatan dan / atau komunikasi pemasaran di mana Subjek Data telah menerimanya kerana perhubungan yang sedia ada dengan Pengguna Data.
APDP	Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
Data Peribadi	Sebarang maklumat berkaitan dengan Transaksi Komersial, di mana: (a) diproses secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan peralatan yang beroperasi secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan untuk tujuan tersebut; (b) direkodkan untuk tujuan bahawa ia perlu diproses secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan menggunakan peralatan tersebut; atau (c) direkodkan sebagai sebahagian daripada Sistem Pemfailan yang Berkaitan atau untuk tujuan bahawa ia perlu menjadi sebahagian daripada Sistem Pemfailan yang Berkaitan;

	yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada Subjek Data, yang telah dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat lain yang dimiliki oleh Pengguna Data, termasuk sebarang Data Peribadi Sensitif dan ekspresi pendapat tentang Subjek Data, tetapi tidak termasuk sebarang maklumat yang diproses untuk tujuan pelaporan kredit perniagaan yang dijalankan oleh agensi pelaporan kredit dibawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.
Notis Privasi	Notis Perlindungan Data Peribadi yang dikeluarkan oleh Pengguna Data, dan mungkin akan dipinda dari semasa ke semasa.
Proses, Semua Proses, Telah Diproses, Pemprosesan	Berhubung dengan Data Peribadi, yang bermaksud mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan Data Peribadi atau menjalankan sebarang operasi atau menetapkan operasi keatas Data Peribadi, termasuk: (a) mengendalikan, mengadaptasi atau mengubah Data Peribadi; (b) pengambilan semula, perundingan atau penggunaan Data Peribadi; (c) penzahiran Data Peribadi melalui penghantaran, pemindahan, penyebaran atau sebaliknya menyediakan; atau (d) penyelarasan, penggabungan, pembetulan, pemadaman atau pemusnahan Data Peribadi.
Peraturan	Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013.
Sistem Pemfailan yang Berkaitan	Sebarang maklumat yang berkaitan dengan individu, walaupun maklumat tersebut tidak diproses dengan peralatan yang beroperasi secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi tujuan tersebut, maklumat tersebut adalah tersusun, sama ada secara rujukan kepada individu atau rujukan kepada kriteria yang berkaitan dengan individu, di mana maklumat khusus yang berkaitan dengan seseorang individu boleh diakses pada bila-bila masa.
Data Peribadi Sensitif	Sebarang Data Peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seseorang Subjek Data, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, perlakuan atau tuduhan perlakuan mereka tentang sebarang kesalahan atau sebarang Data Peribadi lain seperti yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta.
Standard	Standard Perlindungan Data Peribadi 2015.

Pihak Ketiga	Berhubung dengan Data Peribadi, bermaksud mana-mana orang selain daripada: (a) Subjek Data; (b) seseorang yang berkaitan dengan Subjek Data; (c) Pengguna Data; (d) Pemproses Data; atau (e) seseorang yang diberikan kuasa secara bertulis oleh Pengguna Data untuk memproses Data Peribadi dibawah kawalan Pengguna Data.
Menulis / Bertulis	Semua manual atau cara elektronik untuk merekod maklumat di dalam bentuk yang boleh disimpan dan dicetak, sama ada dalam manuskrip, menggunakan mesin taip atau komputer, atau menggunakan peranti perhubungan elektronik yang lain.

LAMPIRAN 2: ALIRAN DATA




Untuk promosi dan pemasaran
Untuk memberikan perkhidmatan
Untuk tujuan perundangan dan pengawalseliaan
MENGAPA?
Untuk tujuan kewangan
Untuk keselamatan dan kesejahteraan
Untuk siasatan aduan dan pertanyaan
Untuk memudahkan penyediaan penerbangan
Pemberi Perkhidmatan
Affiliate
Penzahiran kepada siapa? (Pihak Ketiga)
Affiliate luar negara


Pengurusan
Tidak boleh dipindahkan melalui peranti mudah-alih dan perkhidmatan penkomputeran awan
Melainkan dengan persetujuan bertulis daripada pihak penguruan atasan
Daftarkan mereka yang boleh akses
Kawal dan hadkan akses berdasarkan keperluan
Keselamatan
Kekalkan rekod akses dan pemindahan
Mengikat pihak ketiga yang terlibat
Mengadakan prosedur prosedur keselamatan fizikal
Pastikan semua kakitangan melindungi kerahsiaan


dengan salinan
yuran maksima RM10
untuk Data Peribadi
tanpa salinan
Yuran maksimum RM2
Borang Permohanan Akses
dengan salinan
untuk Data Peribadi Sensitif
Yuran maksimum RM 30
Akses / Integriti
tanpa salinan
Yuran maksimum RM5
Borang Permohonan Pembetulan
Tiada yuran dikenakan
Kemas kini data peribadi sejurus selepas menerimanya


Pengekalan
Ambil semua langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan penghapusan kekal
Sediakan jadual pelupusan data tidak aktif dalam tempoh 24 bulan
Tidak perlu disimpan lama melainkan jika ia diperlukan dalam undang-undang
Simpan rekod pelupusan Data Peribadi dengan baik
Tidak boleh menggunakan peranti media mudah-alih untuk menyimpan data peribadi
Kecuali dengan kelulusan bertulis daripada pengurusan atasan
Musnahkan borang pengumpulan dalam masa 14 hari kecuali mempunyai nilai undang-undang

LAMPRIAN 3: PRINSIP AM

Templat Persetujuan untuk Pengumpulan Data Peribadi Secara Dalam Talian

Templat persetujuan di mana pelanggan perlu bersetuju sebelum melakukan sebarang tempahan.

- *Saya telah membaca dan memahami **[masukkan syarikat penerbangan]** Dasar Privasi **[pautan]** dan bersetuju untuk **[masukkan syarikat penerbangan]** menggunakan maklumat peribadi saya seperti yang telah diterangkan dalam dasar tersebut, termasuk sebarang penzahiran dan pemindahan yang perlu.*

Templat persetujuan untuk pemasaran langsung. Pelanggan mesti menyatakan persetujuan secara jelas untuk menerima pemasaran langsung daripada syarikat penerbangan.

- *Saya ingin menerima komunikasi dan maklumat terkini pada masa akan datang daripada **[masukkan syarikat penerbangan]** dan juga rakan kongsi.*

LAMPIRAN 4: PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN

Templat Notis Privasi

1. Pengenalan

[Masukkan nama] (dirujuk sebagai "**Syarikat**" atau "**kami**") adalah komited untuk melindungi Data Peribadi anda dan melindungi privasi anda adalah keutamaan yang tinggi.

Pernyataan Privasi ini menerangkan terma am tentang bagaimana kami mengumpul, menggunakan dan melindungi privasi Data Peribadi anda di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**APDP**").

2. Apakah Data Peribadi yang kami kumpul?

Jenis-jenis Data Peribadi yang kami kumpul secara langsung daripada anda atau daripada pihak ketiga adalah bergantung kepada keadaan semasa pengumpulan dan jenis perkhidmatan yang diminta atau transaksi yang dijalankan. Ia mungkin termasuk (tetapi tidak terhad kepada):
[sila padamkan yang tidak berkenaan]

(a) maklumat peribadi yang dikaitkan dengan seseorang individu, seperti, nama, jantina, tarikh lahir, nombor pasport, nombor kad pengenalan kebangsaan yang dikeluarkan oleh kerajaan lain dan nombor pengenalan peribadi yang lain;
(b) maklumat perhubungan, seperti, alamat, nombor telefon dan alamat e-mel;
(c) maklumat pembayaran, seperti maklumat kad kredit atau kad debit, termasuk nama pemegang kad, nombor kad, alamat bil dan tarikh tamat tempoh;
(d) maklumat perjalanan, seperti maklumat penerbangan, butiran keahlian program kesetiaan, tempat duduk, diet pemakanan atau pilihan perkhidmatan yang lain;
(e) maklumat kesihatan, seperti isu kesihatan yang berkaitan dengan persiapan perjalanan atau rekod kesihatan dan permintaan;
(f) maklumat teknikal, seperti alamat IP; dan
(g) data statistik, seperti jumlah penumpang dan lawatan ke laman *web*.

Jika orang lain yang membuat tempahan bagi pihak anda, anda menerima dan akan memastikan bahawa anda telah memberi kebenaran untuk penzahiran Data Peribadi anda dan persetujuan kepada terma dan syarat Pernyataan Privasi ini. Jika anda membuat tempahan bagi pihak orang lain, anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah mendapat persetujuan daripada orang tersebut untuk memberikan Data Peribadi mereka. Sebagai tambahan, jika anda membuat tempahan bagi pihak kanak-kanak (yang berumur

18 tahun ke bawah), sila pastikan bahawa anda berumur lebih daripada 18 tahun, mempunyai kebenaran dan persetujuan mereka untuk menyerahkan Data Peribadi mereka kepada Pengguna Data.

3. <u>Bagaimana kami mengumpul Data Peribadi anda?</u>

Dasar Privasi ini meliputi sebarang Data Peribadi yang diberikan kepada kami:

[sila padamkan yang tidak berkenaan]

(a) bila membuat tempahan dengan kami, daftar masuk untuk penerbangan atau penghantaran barang;
(b) melalui mana-mana laman *web* yang dikendalikan oleh kami atau kontraktor kami;
(c) dibawah mana-mana perjanjian berkontrak atau persetujuan yang lain;
(d) melalui pihak ketiga, seperti agensi pelancongan atau pembekal perkhidmatan kami.

Beberapa cara lain yang mungkin kami mengumpul Data Peribadi termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

(a) komunikasi dengan anda melalui telefon, surat, faks dan e-mel;
(b) apabila anda melawat laman *web* kami atau laman *web* salah satu kontraktor kami;
(c) apabila anda berhubung dengan kami secara peribadi;
(d) apabila kami menghubungi anda secara peribadi;
(e) apabila kami mengumpul maklumat tentang anda daripada pihak ketiga;
(f) apabila anda berinteraksi dengan kami melalui media sosial, atau aplikasi interaktif termasuk tetapi tidak terhad kepada Facebook, Twitter, Instagram dll;
(g) daripada sumber awam yang tersedia ada;
(h) perkhidmatan mudah-alih;
(i) saluran-saluran lain termasuk kaunter tiket dan operasi lapangan terbang kami.

4. <u>Bagaimana kami mengumpul Data Peribadi anda daripada laman *web* kami?</u>

Daripada laman *web* kami, kami mengumpul Data Peribadi anda melalui beberapa cara seperti berikut:

(a) <u>Alamat IP</u>

Kami menggunakan alamat IP anda untuk membantu mendiagnosis masalah dengan pelayar kami, dan untuk mentadbir laman *web* kami. Alamat IP tidak akan dipaut kepada maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti.

(b) *Cookie*

Cookie adalah elemen data yang boleh dihantar oleh laman *web* kepada pelayar anda, di mana ia boleh disimpan di dalam sistem anda. Kami menggunakan *cookie* di dalam beberapa halaman kami untuk menyimpan pilihan dan merekodkan maklumat sesi anda. Maklumat yang kami kumpul akan digunakan untuk memastikan perkhidmatan istimewa diberikan kepada pengguna kami. Kami berharap anda berasa yakin apabila anda perlu menaip nombor kad kredit anda setiap kali anda membuat pembelian walaupun nombor kad kredit anda tidak akan disimpan atas alasan keselamatan,.

Anda boleh memperbetulkan tetapan pada pelayar anda agar anda akan diberitahu apabila anda menerima *cookie*. Sila rujuk kepada dokumen pelayar anda untuk memeriksa jika *cookie* telah diaktifkan pada komputer anda atau meminta untuk tidak menerima *cookie*. Oleh kerana *cookie* membenarkan anda untuk memanfaatkan beberapa ciri-ciri penting pada laman *web*, kami mencadangkan agar anda menerima *cookie*. Sebagai contoh, jika anda menyekat atau menolak *cookie* kami, anda tidak boleh menempah penerbangan atau menggunakan sebarang produk atau perkhidmatan di laman *web* yang memerlukan anda untuk log masuk.

Adalah penting untuk menghalang akses yang tidak dibenarkan pada kata laluan dan komputer anda. Anda harus log keluar selepas menggunakan komputer yang dikongsi.

Kami juga menggunakan *cookie* untuk mengesan keberkesanan pengiklanan dalam talian. Maklumat ini diuruskan secara rahsia dan tidak akan dikongsi dengan sesiapa yang berada di luar Syarikat melainkan dinyatakan di dalam Dasar Privasi ini. Kami hanya akan menggunakan maklumat ini untuk membuat keputusan yang tepat berhubung dengan pembelian secara pengiklanan dalam talian.

(c) Sistem Tempahan Dalam Talian

Sistem tempahan dalam talian kami terletak di dalam pelayar yang disulitkan (encrypt) maklumat pembelian anda menggunakan Lapisan Soket Selamat. Kami menggunakan semua usaha yang munasabah untuk melindungi Data Peribadi daripada hilang, disalahgunakan dan diubahsuai. Hanya kakitangan dan ejen yang dibenarkan sahaja akan diberi akses kepada Data Peribadi anda. Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab terhadap ID pengguna atau kata laluan anda yang digunakan di dalam laman *web* kami. Anda harus berhati-hati untuk melindunginya.

(d) Borang Maklum Balas Pengguna

Borang Maklum Balas Khidmat Pelanggan kami memerlukan anda untuk memberi maklumat perhubungan (seperti nama anda dan e-mel) agar kami boleh membalas komen anda. Kami menggunakan maklumat perhubungan anda daripada borang pendaftaran untuk menghantar maklumat berkenaan syarikat kami. Maklumat perhubungan anda juga akan digunakan untuk menghubungi anda apabila perlu. Data demografik dan profil juga dikumpulkan di laman *web* kami. Kami menggunakan Data Peribadi anda untuk menyesuaikan pengalaman anda di laman *web* kami dengan menunjukkan kandungan yang kami fikirkan anda mungkin berminat dengan kandungan tersebut mengikut keutamaan anda.

(e) Pengesanan Tapak

Kami menggunakan perisian pengesanan untuk memantau corak trafik pelanggan dan penggunaan tapak untuk membantu kami menghasilkan reka bentuk dan susun atur laman *web*. Perisian ini tidak membolehkan kami untuk mengambil sebarang maklumat peribadi penumpang.

5. Untuk apakah kami menggunakan Data Peribadi anda?

Kami mungkin menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan berikut:

(a) untuk membolehkan kami memberikan perkhidmatan kami dan melaksanakan perkhidmatan kami kepada anda;
(b) untuk memudahkan perjalanan anda (seperti membuat tempahan) dan persiapan penghantaran barang;
(c) untuk pengesahan identiti penumpang dan melaksanakan daftar masuk bagasi;
(d) untuk memberi mesej siap sedia penerbangan;
(e) untuk memudahkan daftar masuk internet;
(f) untuk memproses sebarang transaksi komersial (seperti jualan dalam penerbangan);
(g) untuk memudahkan penyertaan anda dalam program kesetiaan kami atau pihak ketiga;
(h) untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan anda dan pelanggan yang lain;
(i) untuk menyiasat dan bertindak balas tentang tuntutan dan pertanyaan daripada anda;
(j) untuk mengingatkan anda untuk melengkapkan tempahan anda dan / atau menawarkan bantuan kami (contoh seperti, kegagalan melengkapkan kerana kesulitan teknikal). Ini adalah perkhidmatan pilihan. Anda boleh memilih untuk tidak menerima e-mel ini pada bila-bila masa dengan mengikuti pautan di bahagian bawah e-mel tersebut;

(k) untuk menyediakan perkhidmatan penyediaan katering dalam penerbangan dan perkhidmatan lain yang paling sesuai mengikut keutamaan dan keperluan anda;

(l) untuk tujuan kewangan seperti pengesahan, perakaunan, bil dan audit berkenaan kredit atau pembayaran kad yang lain;

(m) untuk tujuan pembangunan perniagaan seperti analisis statistik pemasaran, percubaan sistem, penyelenggaraan dan pembangunan, kaji selidik pelanggan, berhubung dengan pelanggan tentang pengubahsuaian penerbangan, atau untuk membantu kami berurusan dengan anda di masa hadapan, sebagai contoh untuk mengenal pasti keperluan dan pilihan anda;

(n) untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau peraturan; dan / atau

(o) untuk tujuan sampingan yang lain untuk sebarang tujuan seperti yang dinyatakan di atas.

("**Tujuan Utama**")

(p) untuk mengkomunikasikan promosi, tawaran, perkhidmatan dan maklumat tentang produk dan aktiviti, tawaran untuk menaik taraf atau pemberitahuan lain yang berkaitan dengan tempahan anda;

(q) pemasaran dan berkomunikasi dengan anda berhubung dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami dan rakan perkhidmatan kami serta ejen yang dilantik oleh kami; dan / atau

(r) untuk semua tujuan sampingan yang lain untuk sebarang tujuan seperti yang dinyatakan di atas.

("**Tujuan Sampingan**")

(secara kolektif, "**Tujuan**")

6. <u>Mengakses / Menghadkan / Memperbetulkan / Mengemas Kini Data Peribadi anda</u>

Anda boleh memohon untuk mendapatkan maklumat Data Peribadi anda, menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda dan juga mengemas kini atau membuat pindaan kepada Data Peribadi anda seperti di bawah:

(a) untuk pelanggan berdaftar dalam talian, anda boleh log masuk ke akaun dalam talian anda dan mengemas kini Data Peribadi anda; atau

(b) untuk setiap pelanggan lain, anda boleh mengemukakan permintaan anda kepada mereka yang boleh dihubungi seperti yang terperinci di bawah klausa 13.

Sila ambil perhatian bahawa bergantung kepada maklumat yang diminta, yuran nominal mungkin akan dikenakan. Kami akan berusaha untuk memberikan maklumat kepada anda dengan secepat mungkin selagi praktikal. Walau bagaimanapun, kami juga berhak untuk mengesahkan semua permintaan bagi memastikan kesahihan permintaan tersebut. Kami boleh menolak untuk mematuhi permintaan akses data di dalam

keadaan seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang (di bawah seksyen 32 APDP). Sekiranya kami tidak dapat memenuhi permintaan anda, kami akan memberitahu anda sebab-sebabnya.

7. <u>Menarik balik Persetujuan</u>

Sila ambil perhatian bahawa adalah wajib bagi Syarikat untuk memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan Utama seperti yang telah dinyatakan diatas, di mana tanpanya kami tidak boleh mambuat pengaturan perjalanan untuk anda. Sekiranya kami tidak mendapat persetujuan anda untuk memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan Sampingan, kami tidak boleh memaklumkan kepada anda tentang masa depan, produk dan perkhidmatan baru dan / atau sebarang penambahbaikan kami.

Walau bagaimanapun, anda boleh berhenti menerima aktiviti promosi dengan:

(a) berhenti melanggan daripada senarai mel;
(b) menyunting tetapan akaun yang berkaitan untuk berhenti melanggan; atau
(c) menghantar permintaan ke ***[masukkan alamat e-mel]***

8. <u>Kepada siapa kami menzahirkan Data Peribadi anda?</u>

Kami tidak akan memperdagangkan atau menjual Data Peribadi anda kepada pihak ketiga. Data Peribadi anda hanya akan dizahirkan atau dipindahkan kepada pihak ketiga seperti yang berikut yang mungkin berada di dalam atau di luar Malaysia untuk memenuhi tujuan:

[sila padam yang tidak berkaitan]

(a) pembekal perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan barang kami atau perniagaan yang berkaitan dengan perjalanan;
(b) rakan kongsi syarikat penerbangan dan syarikat penerbangan lain;
(c) pihak berkuasa lapangan terbang;
(d) sekutu dan anak syarikat kami yang lain di mana ia adalah perlu untuk memudahkan perjalanan anda;
(e) pembekal pengesahan kad kredit;
(f) gudang data;
(g) pembekal perkhidmatan teknologi maklumat;
(h) penganalisis data dan / atau agensi pemasaran;
(i) pihak ketiga yang lain untuk memproses transaksi komersial anda;

(j) badan perundangan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang supaya mematuhi waran atau sepina yang dikeluarkan oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten;
(k) kastam, imigresen, atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkenaan dengan anda; dan / atau
(l) kakitangan keselamatan dan sekuriti.

Di samping itu, data peribadi anda mungkin boleh dizahirkan atau dipindahkan kepada mana-mana pemegang hak sebenar, penerima atau pemeroleh Syarikat (di dalam atau di luar Malaysia) (termasuk sekutu dan anak syarikat kami) atau perniagaan, aset atau syarikat kumpulan kami, atau berkaitan dengan sebarang penstrukturan semula syarikat termasuk penstrukturan semula perniagaan, aset dan / atau tanggungan kami.

Kami akan mengambil langkah-langkah praktikal untuk memastikan bahawa kakitangan, pegawai, ejen, perunding, kontraktor dan pihak ketiga mereka yang disebutkan di atas yang terlibat di dalam pengumpulan, penggunaan dan penzahiran Data Peribadi anda akan mematuhi syarat-syarat Pernyataan Privasi ini.

9. <u>Bagaimana Data Peribadi disimpan?</u>

Kami akan menyimpan Data Peribadi di negara di mana kami berpangkalan iaitu Malaysia. Walau bagaimanapun, Syarikat mungkin mempunyai sandaran dan pelayar penyimpanan yang terletak di luar negara. Di samping itu, Syarikat akan memastikan penyimpanan dengan cara berikut dengan mematuhi langkah keselamatan yang minimum seperti yang ditetapkan di bawah APDP, peraturan dan standardnya:

(a) Mendaftarkan semua orang yang diberikan akses;
(b) mengawal dan menghadkan akses berdasarkan keperluan;
(c) mengekalkan rekod yang mencukupi untuk mengakses dan pemindahkan Data Peribadi;
(d) memastikan semua kakitangan Syarikat melindungi kerahsiaan;
(e) menjalankan program kesedaran kepada semua kakitangan (jika perlu) tentang tangungjawab untuk melindungi Data Peribadi;
(f) mewujudkan prosedur keselamatan fizikal;
(g) mengikat pihak ketiga yang terlibat dalam pemprosesan Data Peribadi; dan
(h) tidak menggunakan peranti yang boleh ditanggal dan perkhidmatan pengkomputeran awan untuk memindahkan atau menyimpan Data Peribadi kecuali dengan persetujuan bertulis daripada pengurusan atasan Syarikat

10. Berapa lamakah kami menyimpan Data Peribadi anda?

Kami tidak akan menyimpan Data Peribadi anda lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan. Walau bagaimanapun, Data Peribadi yang berkenaan mungkin disimpan tertakluk kepada syarat di bawah:

(a) sebagaimana dan apabila dikehendaki di bawah undang-undang; atau
(b) di mana tindakan undang-undang telah berlaku dan belum selesai.

Syarikat akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua Data Peribadi dimusnahkan atau dipadam secara kekal apabila dia tidak lagi diperlukan untuk Tujuan dan menyediakan jadual pelupusan untuk data yang tidak aktif selama tempoh 24 bulan.

11. Perubahan kepada Pernyataan Privasi

Sila ambil perhatian bahawa Penyataan Privasi ini boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan variasi tersebut mungkin terpakai kepada anda.

Versi terkini Pernyataan Privasi ini disediakan kepada semua pelanggan.Sila lawat laman *web* kami dari semasa ke semasa untuk maklumat terkini tentang Pernyataan Privasi kami.

12. Pautan kepada laman *web* pihak ketiga

Kami mungkin pautkan laman *web* ini dan / atau permohonan kepada laman *web* syarikat atau organisasi lain (secara kolektif, "Laman *Web* Pihak Ketiga"). Notis Privasi ini tidak terpakai kepada Laman *Web* Pihak Ketiga kerana laman tersebut adalah di luar kawalan kami. Jika anda mengakses Laman *web* Pihak Ketiga dengan menggunakan pautan yang diberikan, penggendali laman ini mungkin akan mengumpul maklumat peribadi anda. Sila pastikan bahawa anda berpuas hati dengan pernyataan privasi Laman *Web* Pihak Ketiga tersebut sebelum anda menyerahkan sebarang maklumat peribadi. Kami mencuba sejauh mana yang boleh untuk memastikan bahawa semua laman *web* pihak ketiga mempunyai langkah-langkah untuk melindungi maklumat peribadi anda, tetapi kami tidak boleh bertanggungjawab secara sah atau sebaliknya untuk sebarang aktiviti, dasar privasi atau tahap pematuhan privasi Laman *Web* Pihak Ketiga tersebut.

13. Maklumat Perhubungan

Sekiranya anda masih mempunyai pertanyaan atau aduan berhubung dengan pengendalian Data Peribadi anda atau Dasar Privasi atau ingin mengakses, mengemaskini atau meminda Data Peribadi anda seperti yang dinyatakan di atas pada Klausa 6, sila hubungi kami melalui butiran seperti yang dihuraikan di bawah:

Jawatan : ***[masukkan]***

No. telefon : ***[masukkan]***

No. Faks (jika ada) : ***[masukkan]***

Alamat E-mel (jika ada) : ***[masukkan]***

Anda juga boleh memasukkan maklumat lain yang berkenaan, contoh alamat pejabat.

LAMPIRAN 5: DATA PERIBADI YANG DIZAHIRKAN ATAU DITERIMA DARIPADA PIHAK KETIGA

Senarai Penzahiran

(Lampiran in tidak bertujuan secara menyeluruh tetapi mungkin dipinda dari semasa ke semasa seperti yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi)

NO.	PIHAK KETIGA
1.	Instutusi kewangan, peniaga, Persatuan Perkhidmatan VISA Antarabangsa, Perbadanan Antarabangsa MasterCard dan persatuan kad yang lain (berkaitan dengan isu kad kredit kepada Subjek Data) untuk tujuan pembayaran tiket penerbangan atau perkhidmatan lain daripada Pengguna Data
2.	Pengusaha pos yang menyediakan perkhidmatan pos kepada Pengguna Data
3.	Pembekal telekomunikasi yang menyediakan perkhidmatan telekomunkasi kepada Pengguna Data
4.	Pembekal perkhidmatan yang membantu Pengguna Data dalam pemprosesan perkhidmatan yang diminta oleh Pengguna Data: (a) Pembekal perjalanan dan penghantaran barang atau perniagaan yang berkaitan dengan perjalanan (b) Rakan syarikat penerbangan dan syarikat penerbangan lain (c) Pihak berkuasa lapangan terbang (d) Sekutu atau anak syarikat Pengguna Data di mana perlu untuk memudahkan perjalanan Subjek Data
5.	Ejen / kontraktor / perunding / pembekal / juruaudit luaran / kaunselor / pemproses data yang dilantik oleh Pengguna Data (a) Gudang data (b) Pembekal perkhidmatan teknologi maklumat (c) Agensi penganalisis data (d) Agensi pemasaran
6.	Badan-badan yang diluluskan di mana sumbangan kakitangan diberikan: (a) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) (b) Baitulmal (c) Pusat Zakat (d) Lembaga Tabung Haji

	(e) Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) (f) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (g) Koperasi Wawasan Pekerja-pekerja Berhad (KOWAJA) (h) Penanggung insuransn/ Broker
7.	Ahli keluarga rapat Subjek Data: (a) Bapa (b) Emak (c) Suami (d) Isteri (e) Adik-beradik
8.	Permintaan maklumat oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri daripada Pengguna Data. Berikut adalah contoh yang dinyatakan, oleh itu ia termasuk tetapi tidak terhad kepada seperti di bawah: (a) Jabatan Pembangunan Islam Malaysia (b) Jabatan Bantuan Guaman Malaysia (c) Jabatan Statistik Malaysia (d) Jabatan Immigresen Malaysia (e) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (perkara yang berkaitan dengan cukai pendapatan) (f) Majlis Amanah Rakyat di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (g) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (h) Jabatan Insolvensi Malaysia (i) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (j) Kementerian Kewangan Malaysia (k) Kementerian Kesihatan Malaysia (l) Kementerian Sumber Manusia Malaysia (m) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (n) Polis Diraja Malaysia (o) Suruhanjaya Sekuriti (p) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

	(q) Jabatan Agama (r) Majlis Perbandaran (s) Majlis Daerah (t) Majlis Agama Islam Negeri (u) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (v) Perbadanan Pembangunan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
9.	Anak syarikat milik penuh Pengguna Data
10.	Doktor / klinik / hospital / farmasi panel yang dilantik oleh Pengguna Data
11.	Kakitangan keselamatan dan sekuriti Pengguna Data
12.	Mana-mana orang yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan hak Pengguna Data di bawah perjanjian yang telah dimeterai dengan Pengguna Data
13.	Syarikat atau organisai yang membantu Pengguna Data dalam memberikan perkhidmatan bernilai seperti yang diminta oleh Subjek Data
14.	Mana-mana orang yang diberitahu dan diberikan kuasa oleh Subjek Data
15.	Mana-mana orang yang berniat untuk menyelesaikan hutang tertunggak yang berkaitan dengan perkhidmatan Pengguna Data kepada Subjek Data
16.	Di mana Pengguna Data dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana perintah mahkamah / tribunal atau pihak berkuasa sama ada kerajaan atau kerajaan kuasi dengan bidang kuasa ke atas Pengguna Data
17.	Mana-mana orang / syarikat yang dilantik oleh Pengguna Data untuk memulihkan hutang tertunggak yang dialami Pengguna Data
18.	Penasihat Pengguna Data (termasuk tetapi tidak terhad kepada akauntan, juruaudit, peguam atau penasihat profesional yang lain) seperti yang dibenarkan oleh Pengguna Data
19.	Pihak yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang untuk Pengguna Data
20.	Pihak yang Pengguna Data boleh memindahkan hak dan tanggungjawab menurut perjanjian yang disahkan dengan Subjek Data
21.	Pemegang hak sebenar, penerima atau pemeroleh (di dalam atau di luar Malaysia) Pengguna Data berkenaan perniagaan, aset atau syarikat kumpulan atau berkaitan dengan sebarang penstrukturan semula

Data Peribadi yang diterima daripada Pihak Ketiga

[Pihak Ketiga] harus mematuhi sepenuhnya peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi dan sebarang peraturan, panduan pengawalseliaan, perintah, standard, arahan, kod tataamalan atau instrumen pengawalseliaan lain yang serupa dikeluarkan menurutnya ("Akta") yang terpakai bagi pemprosesan data peribadi seperti yang ditakrifkan di dalam Akta dan khususnya, bahawa semua persetujuan telah diperolehi daripada individu yang mana data peribadinya boleh dizahirkan kepada Syarikat Penerbangan menurut Perjanjian ("Penzahiran Data") berkenaan dengan penzahiran dan pemprosesan oleh Syarikat Penerbangan dan bahawa [pihak ketiga] akan sentiasa menyediakan kepada Syarikat Penerbangan dengan Penzahiran Data yang telah dikemaskini.

[Pihak Ketiga] harus melindungi Syarikat Penerbangan terhadap semua prosiding, kos, perbelanjaan, tanggungan atau ganti rugi yang terjadi akibat [pihak ketiga] gagal mematuhi Akta berkenaan dengan sebarang Penzahiran Data. Pembetulan yang tersedia ada dalam klausa ini kepada Syarikat Penerbangan adalah tidak menjejaskan dan sebagai tambahan kepada sebarang jaminan, ganti rugi, remedi atau hak-hak lain yang disediakan oleh undang-undang atau Perjanjian.

Penzahiran Data Peribadi kepada Pihak Ketiga

1. Pemproses Data harus mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi dan sebarang peraturan, panduan pengawalseliaan, perintah, standard, arahan, kod tataamalan atau instrumen pengawalseliaan lain yang serupa dikeluarkan mengikut pemprosesan Data Peribadi (secara kolektif, "Undang-undang Privasi").
2. Pemproses Data harus memproses data peribadi hanya bagi pihak dan untuk manfaat Syarikat Penerbangan, untuk tujuan pemprosesan data peribadi yang berkaitan dengan Perjanjian, dan menjalankan tanggungjawab mereka menurut Perjanjian dan arahan bertulis Syarikat Penerbangan.
3. Syarikat Penerbangan harus mempunyai kuasa yang eksklusif untuk menentukan tujuan dan cara pemprosesan data peribadi di bawah Perjanjian ini.
4. Pemproses Data dan kakitangan, ejen, perunding atau kontraktor mereka (“Kakitangan”) harus memegang kerahsiaan tentang sebarang atau semua Data Peribadi.
5. Pemproses Data harus menghadkan akses data peribadi kepada kakitangannya yang mempunyai keperluan untuk mengetahui data peribadi sebagai syarat untuk prestasi perkhidmatan Pemproses Data untuk atau bagi pihak Syarikat Penerbangan.

6. Di mana Pemproses Data berkongsi, memindahkan, mendedahkan atau memberi akses sebarang data peribadi kepada mana-mana pihak ketiga atau sebarang kontrak berkenaan hak atau tanggungjawab yang melibatkan Data Peribadi, Pemproses Data harus membuat perjanjian bertulis dengan setiap kontraktor atau pihak ketiga dengan mengenakan tanggungjawab keatas kontraktor atau pihak ketiga seperti yang sama dengan yang dikenakan pada Pemproses Data di bawah Perjanjian ini.
7. Pemproses Data hanya perlu mengekalkan kontraktor yang boleh diharapkan oleh Pemproses Data untuk melindungi privasi, kerahsiaan dan keselamatan Data Peribadi.
8. Pemproses Data tidak harus memindahkan data peribadi ke luar Malaysia tanpa persetujuan bertulis yang jelas daripada Syarikat Penerbangan.
9. Pemproses Data harus membalas sebarang permintaan berkaitan dengan data peribadi yang diterima oleh Syarikat Penerbangan daripada pelanggan, pengguna, kakitangan atau lain-lain menurut arahan syarikat penerbangan. Pemproses Data harus bekerjasama dengan syarikat penerbangan sekiranya seseorang individu meminta akses kepada data peribadinya untuk sebarang sebab.
10. Pemproses Data harus memberitahu Syarikat Penerbangan dengan serta-merta secara bertulis tentang sebarang sepina atau perintah kehakiman atau pentadbiran lain oleh pihak berkuasa kerajaan atau prosiding mencari akses atau penzahiran data peribadi. Syarikat Penerbangan mempunyai hak untuk mempertahankan tindakan sedemikian sebagai pengganti dan bagi pihak Pemproses Data. Syarikat Penerbangan boleh memilih untuk mencari perintah perlindungan. Pemproses Data harus bekerjasama dengan Syarikat Penerbangan secara munasabah untuk mempertahankannya.
11. Pemproses Data harus mengekalkan perlindungan yang munasabah dan langkah-langkah keselamatan lain yang diwujudkan untuk (i) memastikan keselamatan dan kerahsiaan data peribadi; (ii) melindungi daripada sebarang ancaman atau bahaya yang dijangkakan kepada keselamatan dan integriti data peribadi; dan (iii) melindungi daripada sebarang insiden yang sebenar atau yang disyaki berkenaan pemprosesan, kehilangan, penggunaan, penzahiran atau pengambilalihan atau akses yang tidak dibenarkan kepada sebarang data peribadi **("Insiden Sekuriti Maklumat")**.
12. Pemproses Data harus memaklumkan dengan segera secara bertulis kepada Syarikat Penerbangan tentang sebarang Insiden Sekuriti Maklumat yang mana Pemproses Data menyedarinya, tetapi tidak lebih daripada 24 jam selepas mereka menyedari tentang Insiden Sekuriti Maklumat. Notis tersebut harus diringkaskan dengan terperinci akan kesannya pada Syarikat Penerbangan, jika diketahui, Insiden Sekuriti Maklumat dan tindakan pembetulan yang diambil atau akan diambil oleh Pemproses Data. Pemproses Data harus mengambil segala tindakan pembetulan yang perlu dan dinasihati dengan segera, dan harus bekerjasama sepenuhnya dengan Syarikat Penerbangan di dalam segala usaha yang munasabah dan sah untuk mencegah, mengurangkan atau memperbetulkan Insiden Sekuriti Maklumat tersebut. Kandungan tentang sebarang pemfailan, komunikasi, notis, siaran akhbar atau laporan yang

berkaitan dengan sebarang Insiden Sekuriti Maklumat mesti diluluskan oleh Syarikat Penerbangan sebelum sebarang penerbitan atau perhubungannya.

13. Apabila tamat tempoh atau penamatan Perjanjian sebelum tempoh, atau awal seperti permintaan syarikat penerbangan, Pemproses Data harus dengan segera kembali kepada Syarikat Penerbangan atau penerima, atau atas permintaan Syarikat Penerbangan, memusnahkan atau menjadikan tidak boleh dibaca atau tidak dapat difahami dengan selamat jika pengembalian tidak munasabah untuk dilaksanakan atau tidak wajar kepada Syarikat Penerbangan (yang mana keputusan harus berdasarkan kepada kenyataan bertulis Syarikat Penerbangan), setiap media asal dan salinan yang mengandungi semua data peribadi dalam pemilikan, penjagaan atau pengawalan Pemproses Data. Sekiranya undang-undang yang berkenaan tidak membenarkan Pemproses Data untuk mematuhi penghantaran atau pemusnahan data peribadi, Pemproses Data menjamin bahawa ia akan memastikan kerahsiaan data peribadi dan ia tidak harus menggunakan atau menzahirkan sebarang data peribadi selepas tamat Perjanjian.

14. Syarikat Penerbangan mempunyai hak untuk memantau pematuhan Pemproses Data dengan syarat-syarat Perjanjian ini. Semasa waktu perniagaan biasa, dan tanpa notis terlebih dahulu, Syarikat Penerbangan atau wakilnya yang sah boleh memeriksa kemudahan dan peralatan Pemproses Data, dan sebarang maklumat atau bahan pemilikan, di dalam jagaan atau kawalan Pemproses Data, yang berkaitan dengan sebarang cara untuk tanggungjawab Pemproses Data di bawah Perjanjian ini. Pemeriksaan yang dijalankan menurut Perjanjian ini tidak boleh mengganggu urusan biasa perniagaan Pemproses Data. Pemproses Data harus bekerjasama sepenuhnya dengan sebarang pemeriksaan yang dijalankan oleh Syarikat Penerbangan.

15. Pemproses Data harus menangani segera dan sewajarnya dengan sebarang pertanyaan daripada Syarikat Penerbangan yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi yang tertakluk kepada perjanjian.

16. Pemproses Data bersetuju untuk melindungi dan memegang Syarikat Penerbangan yang tidak berbahaya dan pegawai, kakitangan, pengarah dan ejen daripada, dan pada pilihan Syarikat Penerbangan untuk pertahanan terhadap sebarang dan semua tuntutan, kerugian, tanggungan, kos dan perbelanjaan, termasuk tuntutan pihak ketiga, yuran peguam yang munasabah, yuran perunding dan kos mahkamah (secara kolektif, "Tuntutan"), setakat mana Tuntutan tersebut timbul, atau mungkin dengan apa-apa cara yang berkaitan dengan (i) sebarang pelanggaran Perjanjian ini; (ii) kecuaian, kecuaian kasar, kepercayaan tidak baik, atau salah laku yang disengajakan oleh Pemproses Data atau Kakitangannya berkaitan dengan tanggungjawab yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini; (iii) Penggunaan Pemproses Data daripada sebarang kontraktor yang memberikan perkhidmatan yang berhubung dengan atau berkaitan dengan prestasi Pemproses Data di bawah Perjanjian ini; atau (iv)

sebarang Insiden Sekuriti Maklumat yang melibatkan data peribadi dalam pemilikan, penjagaan atau pengawalan Pemproses Data, atau yang mana Pemproses Data bertanggungjawab.

LAMPIRAN 6: BORANG PERMINTAAN AKSES DATA/ BORANG PERMINTAAN PEMBETULAN DATA

BORANG PERMINTAAN PEMBETULAN DATA PERIBADI

Untuk tujuan borang ini, Subjek Data/Orang yang Berkenaan (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) mesti menyediakan salinan kad pengenalan (KP) atau pasport, surat kebenaran oleh Subjek Data (di mana anda meminta bagi pihak Subjek Data) dan dokumen sokongan yang berkaitan seperti yang kami kehendaki. Sila ambil perhatian bahawa, kami mungkin tidak boleh memproses permintaan anda sekiranya data peribadi yang diberikan tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemas kini. Permintaan untuk memperbetulkan data peribadi adalah tertakluk kepada keperluan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

BAHAGIAN 1: UNTUK DIISI OLEH SUBJEK DATA	
Nama Penuh seperti di dalam KP	
KP Baru (Lampirkan salinan)	
*Telefon Rumah	
*Telefon Pejabat	
Telefon Bimbit	
BAHAGIAN 2: UNTUK DIISI OLEH INDIVIDU YANG BERKENAAN	
A : Maklumat Subjek Data	
Nama Penuh seperti di dalam KP	
KP Baru (Lampirkan salinan)	
B : Maklumat Individu yang Berkenaan	
Nama Penuh seperti di dalam KP	
KP Baru	
Alamat	
*Telefon Rumah	
*Telefon Pejabat	
Telefon Bimbit	

**Maklumat yang tidak wajib*

PEMBETULAN DATA PERIBADI SUBJEK DATA

Sila berikan keterangan tentang data peribadi yang hendak diperbetulkan.	
1.1 1.2 1.3	
Pengakuan oleh Subjek Data Saya,…… ……..... dengan ini mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan di dalam borang ini dan sebarang dokumen yang disertakan adalah benar dan tepat. Tandatangan:…… Tarikh:…….	Pengakuan oleh Individu yang Berkenaan Saya,……... ……..... dengan ini mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan di dalam borang ini dan sebarang dokumen yang disertakan adalah benar dan tepat. Saya, dengan ini bersetuju bahawa anda boleh menghubungi Subjek Data untuk mengesahkan identiti saya. Tandatangan:…… Tarikh:……

Nota: Jika GST dikenakan ke atas yuran, Subjek Data akan membayar semua GST.

****

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA
[Masukkan nama] meluluskan / menolak (tandakan yang bersesuaian) permintaan ini dibuat pada ***[tarikh permohonan]*** di ***[lokasi cawangan]***. Sebab-sebab penolakan: ☐ tidak dapat mengesahkan identiti peminta;

☐ tidak dapat mengesahkan bahawa peminta telah diberi kuasa untuk mewakili bagi pihak subjek data;

☐ tidak dapat mengesahkan bahawa data peribadi tersebut adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini;

☐ tidak dapat mengesahkan bahawa pembetulan tersebut adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini; atau

☐ sebab-sebab lain yang dibenarkan di bawah Akta Pelindungan Data Peribadi Malaysia :_____

_____

1.4

1.5

Nama Kakitangan: Tandatangan dan tarikh:

1.6
1.7

_____ _____

1.8

BORANG PERMINTAAN AKSES DATA PERIBADI

Untuk tujuan borang ini, Subjek Data/Orang yang Berkenaan (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) mesti menyediakan salinan kad pengenalan (KP) atau pasport, surat kebenaran oleh Subjek Data dan dokumen sokongan yang berkaitan seperti yang kami kehendaki. Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin tidak boleh memproses permintaan anda sekiranya data peribadi yang diberikan adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini. Permintaan untuk mengakses data peribadi adalah tertakluk kepada yuran dan juga keperluan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

BAHAGIAN 1 : UNTUK DIISI OLEH SUBJEK DATA	
Nama Penuh seperti di dalam KP	
KP Baru (Lampirkan salinan)	
*Telefon Rumah	
*Telefon Pejabat	
Telefon Bimbit	
BAHAGIAN 2:UNTUK DIISI OLEH INDIVIDU YANG BERKENAAN	
A : Maklumat Subjek Data	
Nama Penuh seperti di dalam KP	
KP Baru (Lampirkan salinan)	
B : Maklumat Individu yang Berkenaan	
Nama Penuh seperti di dalam KP	
KP Baru (Lampirkan salinan)	
Alamat	
*Telefon Rumah	
*Telefon Pejabat	
Telefon Bimbit	
**Maklumat yang tidah wajib*	

AKSES KEPADA DATA PERIBADI SUBJEK DATA

Sila berikan keterangan tentang Data Peribadi yang hendak diakses

Adakah anda memerlukan salinan Data Peribadi? (Sila tandakan (x) di dalam kotak yang relevan)

☐Ya

Perkara	Keterangan	Yuran (RM)
☐ (a)	Data Peribadi	10
☐ (b)	Data Peribadi Sensitif	30

☐Tidak

Perkara	Keterangan	Yuran (RM)
☐ (a)	Data Peribadi	2
☐ (b)	Data Peribadi Sensitif	5

Pengakuan oleh Subjek Data	Pengakuan oleh Individu yang berkenaan
Saya,…….. dengan ini mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan di dalam borang ini dan sebarang dokumen yang disertakan adalah benar dan tepat. Tandatangan:…… Tarikh:…….	Saya,…….. dengan ini mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan di dalam borang ini dan sebarang dokumen yang disertakan adalah benar dan tepat. Saya, dengan ini bersetuju bahawa anda boleh menghubungi Subjek Data untuk mengesahkan identiti saya. Tandatangan:…… Tarikh:……

Nota: Jika GST dikenakan keatas Yuran, Subjek Data akan membayar semua GST.

****

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

_***[Masukkan nama]*** meluluskan / menolak (tandakan yang bersesuaian) permintaan ini yang dibuat pada ***[tarikh permintaan]*** di ***[lokasi cawangan]***.

Sebab-sebab penolakan:

☐ tidak dapat mengesahkan identiti peminta;

☐ tidak dapat mengesahkan bahawa peminta telah diberi kuasa untuk mewakili bagi pihak subjek data;

☐ tidak dibekalkan dengan maklumat yang munasabah untuk mencari data peribadi yang berkaitan dengan permintaan akses data;

☐ beban atau perbelanjaan untuk memberi akses adalah tidak sesuai dengan risiko privasi Data Peribadi yang berkaitan dengan data peribadi yang dipersoalkan; atau

☐ sebab-sebab lain seperti yang dibenarkan dibawah Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia:_____

_____

Nama Kakitangan: Tandatangan dan tarikh:

_____ _____

KOD TATA AMALAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

UNTUK SEKTOR PENERBANGAN MALAYSIA

21 NOVEMBER 2017